



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4169]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1986 [Ruangan 4227]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM-DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TANSRIDATUK BEN STEPHENS, P.S.M.,
S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR
MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T.
(Dilantik).

„ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN
DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).

„ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).

„ L.T. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S.
(Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N.
(Dilantik).

„ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M.
(Dilantik).

„ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).

„ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).

„ PUAN HAJJAH AZIZAH BINTI MOHD. SAID (Dilantik).

„ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).

„ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).

„ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P.,
A.M.N., P.J.K. (Pahang).

„ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).

„ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH
BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).

„ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).

„ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).

„ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau
Pinang).

YangBerhormat TANSRIISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).

- „ TUANJAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, DMPN, JMN, JP. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ DATOK. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN LIM KEAN Smw (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK LOH FOOK YEN, DSIJ, P.P.N., P.L.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUANMOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUANMOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN NGAH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ DATO DR K.S. NIJHAR (Dilantik).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., JP. (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRIC. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD
(Dilantik).
- „ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).
- „ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN(Dilantik).
- „ TUAN WONG YAU KET (Sabah).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Rabu, 11hb Disember, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

INDUSTRI LUAR BANDAR

1. **Tuan Abdul Ghani bin Othman** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah peranan Kementerian untuk memenuhi matlamat membangunkan industri luar bandar.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, peranan yang dimainkan oleh Kementerian saya untuk memenuhi matlamat membangunkan industri luar bandar ialah melalui Jawatankuasa Penyelarasan Bagi Pembangunan Perusahaan Kecil (JPPPK) yang ditubuhkan di Kementerian saya bagi menyelaras aktiviti-aktiviti agensi-agensi yang terlibat di dalam memberi bantuan dan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi. Masalah-masalah yang dimaksudkan itu ialah dari segi modal, latihan, teknologi, tapak kilang dan mungkin yang paling ketara sekali ialah dari segi pengwujudan keusahawanan itu sendiri.

Bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, langkah-langkah dan program-program berikut yang dibuat secara bersepadu telah pun

dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkenaan melalui penyelarasan yang dibuat oleh Jawatankuasa tadi dan juga Bahagian Perusahaan Kecil di Kementerian saya:

- (i) *Modal-Kemudahan* pinjaman dari bank-bank perdagangan melalui Perbadanan Jaminan Kredit, MIDF, Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan MARA.
- (ii) *Latihan Pengurusan dan Kewangan* - Melalui Pusat Daya Pengeluaran Negara, MARA, Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC) dan juga Bank Pembangunan Malaysia dengan tujuan untuk mengwujudkan keusahawarian dan juga untuk memper-teguhkan mereka yang sudah beroperasi.
- (iii) *Teknologi* (termasuk kawalan mutu)-Melalui agensi-agensi teknikal seperti MARDI untuk makanan, Pusat Penyelidikan Perhutanan atau (FRI) untuk barang-barang berasaskan kayu dan rotan, SIRIM untuk barang-barang logam, plastik dan seramik dan juga Pusat Pameran dan Rujukan Teknologi di bawah Bahagian Perusahaan Kecil, Kementerian saya di mana maklumat-maklumat mengenai mesin-mesin baru dan sebagainya disediakan untuk rujukan.
- (iv) *Pemasaran* - Melalui Program Pemasaran Bersepadu di mana pemasaran barang-barang

makanan keluaran Bumiputera ditaksanakan; juga melalui konsep payung bagi pembelian Kerajaan; dan juga melalui BESTA Sdn Bhd iaitu anak syarikat Bank Pembangunan Malaysia Sendirian Berhad.

- (v) *Tapak Kilang dan Skim Kilang Bimbingan* - Melalui Bank Pembangunan Malaysia Berhad, MARA dan lain-lain agensi yang dipersetujukan dari semasa ke semasa. Di dalam hubungan ini, khususnya bagi projek-projek yang diperuntukkan melalui Kementerian saya, kawasan-kawasan kurang maju adalah menjadi keutamaan di dalam penyediaan tapak kilang dan tapak Kilang Bimbingan yang dilaksanakan seperti di Pengkalan Chepa, Kelantan, Jengka dan Pusat Perkayuan KEDA di Tanah Merah, Jitra, Kedah dan Kilang Perusahaan Kecil Kuantan. Sementara itu bagi negeri-negeri lain, ianya sama ada di dalam proses mengenal-pasti kawasan yang sesuai ataupun sedang berunding dengan Kerajaan untuk mendapatkan tanah untuk tapak dan sebagainya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, setelah kita mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berbagai-bagai galakan untuk mempertingkatkan industri-industri kecil di luar bandar ini tetapi di dalam penjelasan itu saya perhatikan tidak ada menyentuh peranan yang dimainkan oleh Kementerian ini sendiri terhadap pemasaran, baik dalam negeri ataupun di luar negeri yang mana saya kira pemasaran ini adalah nadi yang penting bagi menjamin hidup atau matinya sesebuah industri kecil itu. Soalannya, apakah peranan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di

dalam menggalak dan mempertingkatkan pemasaran bahan-bahan keluaran industri-industri kecil kampung ini di luar negeri ataupun dalam negeri?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak begitu tepat mengatakan Kementerian saya tidak memainkan peranan kerana di dalam penerangan tadi telah pun saya sebutkan bahawa kita telah pun melancarkan program pemasaran bersepadu di mana pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah pun memperuntukkan lebih daripada \$1.3 juta kepada Pernas Edar Sdn Bhd iaitu anak syarikat Pernas Trading untuk mengelolakan skim pemasaran bagi hasil-hasil yang dikeluarkan oleh kilang-kilang kecil khasnya di kalangan bumiputera. Dan projek ini telah pun dilancarkan pada pertengahan tahun ini dan saya suka memaklumkan, di dalam program pemasaran bersepadu ini, kita telah pun berjaya untuk melibatkan lebih kurang seramai 21 buah pengusaha ataupun syarikat-syarikat pengusaha yang menghasilkan barang-barang makanan seperti serbuk kopi, sos cili, kicap, rempah dan lain-lain jenis makanan.

Dan pada peringkat awal sehingga akhir bulan September ini, Pernas edar melalui Skim Pemasaran Bersepadu yang dibiayai oleh Kementerian ini telah pun berjaya memasarkan lebih hampir \$1 juta nilai barang-barang yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha kecil bumiputera. Dan program ini akan terus dilaksanakan dengan memasukkan lebih banyak lagi hasil-hasil keluaran yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha kecil dan kita menjangkakan di peringkat yang kedua, seramai 17 lagi buah syarikat akan terlibat sekali dalam program ini dengan jumlah jenis keluaran yang bertambah termasuklah keluaran seperti bihun, kicap, belacan, serbuk halia, biskut, cuka dan sebagainya.

Jadi ini jelas membuktikan bahawa kita telah pun mengambil langkah walaupun saya belum dapat mengatakan dengan sesungguhnya bahawa usaha ini akan mendapat kejayaan, sehinggalah mungkin dua-tiga tahun yang akan datang, penilaian dibuat semula.

Di samping itu, ini tidak juga bermakna bahawa kita tidak memberikan galakan kepada pengusaha-pengusaha tempatan untuk mengeksport hasil keluaran mereka ke peringkat antarabangsa. Namun begitu, di peringkat awal kita merasakan mungkin perlu galakan diberi kepada pengusaha-pengusaha tempatan bagi meningkatkan mutu keluaran mereka itu dan ini adalah merupakan satu aspek yang terpenting.

Langkah ini telah pun diambil oleh beberapa agensi bantuan seperti MARDI, SIRIM dan sebagainya. Kalau ini dapat dilaksanakan saya percaya pusat-pusat perdagangan seperti Mexco dan juga Pesuruhjaya Perdagangan kita di luar negeri boleh memberikan bantuan bagi membolehkan pengusaha-pengusaha ini mengeksportkan barang-barang mereka ke luar negeri.

Dan di samping itu, saya juga ingin menegaskan bahawa pemasaran bersepadu yang disebutkan tadi tidak hanya menekankan aspek pemasaran di peringkat dalam negeri, kerana langkah selanjutnya juga akan disusun untuk memperkenalkan hasil-hasil pengusaha kecil kita itu di peringkat antarabangsa dan langkah itu akan dijalankan secara berterusan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, wujud satu Jawatankuasa di peringkat Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya ingin bertanya selain daripada menyelaras dari segi

perancangan, sejauh manakah Jawatankuasa tersebut dapat menyelaras dari segi pelaksanaan.

Yang kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan tentang menjalankan program industri luar bandar ini dengan secara bersepadu di antara agensi-agensinya yang mempunyai peranan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya sehingga kini berasa musykil dengan kata-kata mengadakan program pembangunan secara bersepadu sama ada di sektor perindustrian ataupun pertanian. Saya ingin bertanya, sejauh manakah terbuhtinya usaha bersepadu itu untuk melaksanakan program pembangunan industri luar bandar. Jika sekiranya setiap agensi yang berbagai menjalankan kegiatan secara terasing seperti yang dapat kita lihat di kawasan luar bandar, akhirnya kita dapati mereka membuat secara tabiatnya sendiri, ataupun kawasan itu terus terbiar dari segi pembangunan industri luar bandar?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memanglah apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Abdul Ghani tadi ada juga betulnya kerana peranan Kementerian, khasnya Jawatankuasa kita ialah untuk menyelaraskan program-program dan juga dasar-dasar pembangunan, khasnya bagi sektor perusahaan kecil dan ini bukan merupakan satu tugas yang mudah kerana kita sedar bahawa banyak agensi-agensinya yang telah pun ditubuhkan mempunyai prioritas mereka masing-masing.

Maka oleh sebab itu dirasakan wajar langkah diambil untuk menyelaraskan program-program tersebut supaya tidak wujud percanggahan yang besar dari segi pelaksanaan untuk memungkinkan keberkesanan program kita.

Oleh sebab itu, kita lebih menumpukan di peringkat Jawatankuasa ini sejauh manakah program-program yang dijalankan oleh beberapa agensi itu tidak bertindih di antara satu sama lain, sehingga menyebabkan kerugian ataupun penggunaan resources yang terhad, dengan cara yang tidak begitu effisyen, ini sedang pun dilakukan dan tiga juta menetapkan di bawah Jawatankuasa itu apakah peranan-peranan utama yang harus dimainkan oleh agensi-agensi yang berkenaan.

Di samping itu agensi-agensi juga akan melaksanakan program masing-masing, tetapi soal pokoknya sejauh manakah yang mungkin kita berusaha supaya tidak timbul soal percanggahan, khasnya dari segi dasar dan percanggahan dan pertindihan dari segi program yang dilaksanakan.

Kita juga sedar bahawa memang banyak agensi-agensi yang telah pun dibentuk untuk melaksanakan projek perusahaan-perusahaan kecil dan juga Kementerian yang terlibat. Sebab itu pada dasarnya Kerajaan telah pun bersetuju satu Perbadanan Pembangunan Perusahaan Kecil (Small Enterprise Development Corporation) ditubuhkan, cuma oleh sebab keadaan sekarang ini belum bersesuaian, maka rancangan ini belum lagi dapat dihasilkan di mana dengan tertubuhnya Perbadanan ini kita harapkan agensi-agensi yang sekarang ini terlibat di dalam program pembangunan perusahaan, khasnya di luar bandar, tugas-tugas mereka dapat disatukan di bawah satu Perbadanan dengan kuasa-kuasa dan urusan-urusan undang-undang yang diberikan kepada pihak-pihak yang mentadbirkan supaya masalah-masalah percanggahan sebagaimana yang sedang pun kita hadapi sekarang dapat dikurangkan ataupun di atasi.

Sebab itulah saya mengatakan kita tidaklah boleh mengatakan bahawa kita dapat menyelesaikan banyak

masalah dalam keadaan sekarang kerana wujudnya berbagai agensi, tetapi pada segi jangka panjang rancangan akan dibuat supaya masalah-masalah yang wujud dari segi program-program yang berasingan yang dilakukan oleh berbagai agensi itu dapat diselaraskan di bawah satu Perbadanan yang saya sebutkan tadi.

Tuan D. P. Vijandaran: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Estet-estet dan ladang-ladang telah diklasifikasikan di bawah definisi luar bandar dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan juga Rancangan Malaysia Keempat, tetapi beberapa rancangan di luar bandar itu yang dilaksanakan oleh Kerajaan tidak dilaksanakan di ladang-ladang. Adakah Yang Berhormat Menteri Perdagangan mempunyai apa-apa rancangan atau projek-projek ataupun kursus-kursus untuk sektor ladang dan kalau tidak mengapa?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mengamalkan dasar memilih kasih sama ada ladang atau luar bandar. Soalnya kita menekankan aspek keutamaan. Di dalam hal ini saya bolehlah mengatakan bahawa langkah-langkah yang telah pun saya sebutkan tadi meliputi juga aspek pembangunan perusahaan kecil di ladang-ladang dan sesiapa yang tinggal di ladang kalau mereka terlibat ataupun mahu dan berminat untuk masuk dalam bidang perusahaan kecil, boleh mengambil bahagian dalam program yang telah pun disusun oleh pihak Kementerian saya sendiri. Di samping itu kalau ada pihak di kawasan ladang sama ada di bandar ataupun di luar bandar yang mahukan seperti program kursus-kursus lanjutan, kursus memproses makanan yang dianjurkan oleh agensi seperti MARDI dan juga dari segi latihan keusahawanan, perkara ini juga boleh dilancarkan dan dijalankan oleh badan-badan yang saya sebutkan tadi.

Oleh sebab itu, saya bolehlah mengatakan bahawa kalau ada cadangan, khasnya daripada Ahli Yang Berhormat sendiri supaya ladang-ladang tertentu diadakan kursus yang tertentu dan diadakan projek-projek tertentu, maka ini bolehlah diambil kira dalam program yang akan datang.

KEKUATAN PERTAHANAN/ KESELAMATAN NEGARA

2. **Puan Lim Sean Lean** minta Menteri Pertahanan menyatakan sejauh manakah kekuatan pertahanan dan keselamatan Malaysia telah dipertingkatkan dan diperlengkapkan khususnya dalam bidang ketenteraan, kerana memandangkan pergolakan politik di rantau ini; jika ya, sila beritahu butiran kelengkapan dan kemudahan pertahanan ini.

12-12-85

33. **Tuan Harun bin Hassan** minta Menteri Pertahanan menyatakan, apakah Kerajaan bercadang membesarkan angkatan bersenjata negara serta mendapatkan bekalan ketenteraan yang lebih moden dan sophisticated melihat dari pergolakan Asia Tenggara masih terus dalam keadaan bahaya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Menteri Pertahanan, saya mohon izin untuk menjawab soalan-ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Harun bin Hassan pada 12hb Disember, 1985 kerana kedua-dua soalan ini bersangkutan perkara yang lebih kurang sama.

Pergolakan yang berlaku di Asia Tenggara khususnya dan di sekitar rantau ini amnya, sentiasa diawasi dan diikuti dengan teliti tentang perkembangannya dan ianya merupakan salah satu perkara yang telah diambil kira di dalam merancang pertahanan negara.

Pembesaran kepada Angkatan Tentera tidak semestinya ia akan dapat menghasilkan satu kemampuan pertahanan yang kuat. Walau bagaimanapun, kekuatan pertahanan dan keselamatan Malaysia sedang dipertingkatkan iaitu melalui peningkatan mutu profesionalisma dan semangat ketenteraan yang diberikan kepada angkatan tentera melalui latihan-latihan dalam dan luar negeri.

Oleh kerana soalan ini menyentuh tentang strategi pertahanan negara yang tidak wajar kita umumkan, maka tidak dapatlah saya memberitahu butir kelengkapan dan kemudahan pertahanan sepertimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat. Namun begitu, sekali lagi saya nyatakan bahawa kekuatan pertahanan dan keselamatan Malaysia sentiasa dipertingkatkan sejajar dengan ancaman semasa.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun tentera kita telah banyak mempunyai latihan-latihan tetapi apa yang dipersoalkan di sini ialah soal kelengkapan ketenteraan negara kita. Adakah jika berlaku sebarang kemungkinan iaitu kelengkapan tentera yang ada di negara kita boleh menyaingi dengan yang digunakan oleh musuh-musuh kita sepertimana mungkin mereka ini mempunyai senjata yang lebih lengkap daripada apa yang terdapat di negara kita.

Saya tidak berniat untuk meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apa jenis senjata yang

kita ada tetapi sekadar menyaingi musuh-musuh kita iaitu daripada segi kelengkapan tentera kita. Jika berlaku sebarang kemungkinan adakah kita cukup mempunyai misalnya kelengkapan seperti kereta perisai, peluru berpandu jarak jauh dan jarak dekat, jet-jet pejuang bagi membantu serangan udara, kapal-kapal tentera laut kita untuk mengawal di sekitar perairan Malaysia di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, kerana cara peperangan pada hari ini bukan lagi seperti peperangan dalam Perang Dunia Pertama dan Kedua. Hari ini semua sudah menggunakan secara tekan butang sahaja, push button, semua peluru berpandu menuju kepada sasaran dan demikian juga senjata-senjata sekarang semua sudah boleh menggunakan automatik dan sebagainya. Adakah kita terkebelakang daripada menggunakan senjata-senjata moden ini daripada musuh yang mana kita tidak mengetahui di mana musuh kita? Walaupun negara kita berniat tidak bermusuhan kepada mana-mana negara, tetapi daripada segi mempertahankan ini kita mestilah menurut aturan dalam zaman di mana dunia ini berada sekarang kelengkapan mana patut kita gunakan untuk mempertahankan diri. Adakah negara kita ini boleh, lebih kurang, saya tidak maksudkan yang kita lengkap, tetapi lebih kurang boleh menyaingi senjata-senjata yang ada kepada musuh yang juga terdapat dalam negeri ini untuk mempertahankan negeri ini? Jadi latihan kepada ketenteraan sahaja saya fikir sekarang tidak mencukupi. Terima kasih.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita menilai kekuatan ataupun kelemahan, kemampuan Angkatan Tentera kita untuk mempertahankan negara kita dengan berpandukan kepada maklumat yang kita terima berkenaan

dengan angkatan tentera negara-negara luar seperti Amerika Syarikat dan Russia.

Saya ingin menyatakan di sini kita dari semasa ke semasa mengemaskinikan rancangan-rancangan pertahanan kita dan perkara yang diutamakan ialah untuk menambah dan mengemaskinikan senjata-senjata dan peralatan yang sesuai dengan keperluan Angkatan Tentera mengikut kemampuan negara dan juga menambah kemampuan dalam bidang kuasa tembakan dan juga daya tempur.

Selain daripada itu kita memperkuatkan serta memperkemaskan jentera logistik untuk membantu pasukan-pasukan. Saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa negara kita berkemampuan untuk mempertahankan negara.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung sedikit apa saudara saya Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din tadi bertanya. Ini memandangkan negara kita dikelilingi oleh laut. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada kita mempunyai, dengan izin, aircraft carrier untuk membuat rondaan di seluruh perairan Malaysia; kalau tidak, apakah sebabnya dan bilakah akan kita dapat?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tidak semestinya sebuah negara itu mesti melengkapkan angkatan tentera lautnya dengan sebuah atau dua buah aircraft carrier. Sepertimana kita semua sedia maklum terdapat banyak negara-negara lain yang mempunyai kawasan laut yang begitu luas, tidak mempunyai aircraft carriernya sendiri. Kita masih yakin bahawa angkatan tentera laut kita yang ada sekarang, berkemampuan untuk mempertahankan negara kita dalam sebarang serbuan atau dalam sebarang ancaman.

Tuan D. P. Vijandran: Tuan Yang di-Pertua, Angkatan Tentera Malaysia kita tidak begitu besar kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran kita. Adakah Kementerian Pertahanan bercadang untuk mengimplementasikan konsep National Service di Malaysia?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah diterangkan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kita tidak berkemampuan untuk mengadakan National Service kerana dianggap banyak masalah-masalah praktikal yang dihadapi jika dijalankan rancangan ini kerana ini mewajibkan rakyat kita untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera dan menimbulkan juga berbagai-bagai kesusahan bukan sahaja dari segi klasifikasi ataupun kriteria-kriteria belia-belua yang layak dan juga dari segi kewangan. Kerajaan berpendapat Angkatan Tentera yang ada sekarang mempunyai keupayaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan lanpa memerlukan Kerahan Tenaga atau National Service yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Mohamed bin Yahya: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana kita maklum bahawa yang kita nampak negara-negara jiran selalu mengadakan latihan-latihan dan selalu kita nampak seolah-olah negara itu akan berlaku sesuatu perkara dan saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu latihan yang umum kepada rakyat bila berlaku sesuatu keadaan di negara kita ini?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jika Yang Berhormat maksudkan latihan tentera, kita dari semasa ke semasa mengadakan latihan bersama dengan anggota tentera negara-negara jiran kita seperti dengan negara Indonesia iaitu dengan Tentera Nasional Indonesia dan juga dengan

negara Thai kita mengadakan latihan bersama tentera udara dan juga latihan bersama lima negara yang termasuk Britain, Australia, New Zealand, Singapura dan juga Malaysia. Selain daripada itu kita juga mengadakan latihan bersama angkatan tentera dengan awam iaitu dengan negara Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 3.

INSTITUT SUKAN NEGARA

3. **Tuan Jaafar bin Harun** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan adakah Kerajaan bercadang dan bilakah masanya untuk menubuhkan sebuah Institut Sukan Negara yang mana bukan sahaja akan memberi kursus kepakaran berhubung latihan-latihan sukan, tetapi di bidang pengurusan moden badan-badan sukan untuk meningkatkan prestasi ahli-ahli sukan negara.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menubuhkan sebuah Institut Sukan Negara. Sebidang kawasan tanah seluas kira-kira 196 ekar di Bukit Jalil, Sungai Besi, Wilayah Persekutuan telah dibeli untuk maksud mendirikan Kompleks Sukan Kebangsaan yang mengandungi juga kemudahan-kemudahan untuk Institut Sukan Negara.

Perancangan membina Kompleks Sukan Negara termasuk Institut Sukan Negara serta kemudahan-kemudahan sedang berjalan dengan giatnya. Kerajaan telah memilih sebuah syarikat sebagai pakar perunding yang

pada masa ini giat menyediakan pelan induk dan pelan-pelan kemudahan sukan. Pembinaan kompleks ini akan dilaksanakan dalam beberapa fasa, dan fasa pertama akan mengandungi sebuah Stadium Utama yang dapat memuatkan kira-kira 70,000 penonton dan kemudahan-kemudahan untuk Institut Sukan Negara serta kemudahan-kemudahan sukan mengikut keutamaan tertentu.

Berhubung dengan persediaan pembangunan Institut Sukan Negara dari segi non-fizikal telah dipersetujui bahawa Institut Sukan Negara akan mempunyai 3 Bahagian, iaitu Bahagian Pengurusan, Bahagian Latihan termasuk kejurulatihan, kepegawaian dan latihan kumpulan elit dan Bahagian Penyelidikan dan Sains Sukan.

Aktiviti latihan kejurulatihan dan kepegawaian diberi keutamaan. Program latihan untuk jurulatih, pentadbir sukan dan sebagainya diharap akan dapat dilaksanakan pada awal tahun 1986 dengan tertubuhnya Lembaga Kejurulatihan Kebangsaan di bawah Majlis Sukan Negara Malaysia. Lembaga ini merancang dan mengadakan kurikulum dan bidang pelajaran yang berstruktur untuk jurulatih, pentadbir sukan dan sebagainya.

Seorang pakar sukan dari Jerman Barat sedang berada di Kuala Lumpur untuk memberi pertolongan bagi menyusun kurikulum kejurulatihan. Beberapa orang pakar lain dalam bidang tertentu seperti "sports medicine", "sports psychology", dan lain-lain juga akan tiba di Kuala Lumpur pada tahun akan datang bagi membantu usaha Majlis Sukan Negara dalam bidang kejurulatihan sukan dan penubuhan Institut Sukan Negara.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada

Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berpuas hati jika sekiranya Komplek Sukan Negara ini siap dibina dan adakah olahraga dan olahragawati negara kita ini di satu masa kelak akan mengambil bahagian dalam Sukan Olimpik ataupun Sukan Asia Tenggara ataupun SEA Games supaya kedudukan negara kita ini, peserta-peserta kita dari Malaysia ini tidak akan mendapat tempat yang paling di bawah sekali. Jadi, dengan adanya juga pakar-pakar sukan dari Jerman Barat dan sebagainya yang akan dibawa ke negara ini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yakin bahawa mereka ini akan dapat melahirkan olahraga dan olahragawati daripada negara ini benar-benar dapat memenuhi kehendak negara.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat itu terangkan semula soalnya, kerana soalnya itu sangat panjang. Bolehkah Yang Berhormat ulangkan semula? Apakah soalnya yang diminta itu.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi sekali lagi. Adakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berpuas hati jika Komplek Sukan Negara ini sudah dibuat iaitu olahraga dan olahragawati kita yang dilatih ini nanti betul-betul akan menjadi seorang ahli sukan yang betul-betul terlatih dan adakah Kementerian ini berpuas hati dengan adanya pakar-pakar sukan yang datang daripada Jerman Barat ataupun dari negara-negara lain akan dapat melatih iaitu melahirkan ahli-ahli sukan di negara ini supaya peserta-peserta sukan daripada Malaysia ini yang akan mengambil bahagian dalam Sukan Olimpik dan SEA Games ataupun Sukan Asia Tenggara supaya kedudukan negara kita ini selalunya di bawah sekali. Jadi dengan adanya latihan dan juga kelengkapan kompleks ini tadi dua ini jadi kita cukup.

Adakah ahli-ahli sukan ini betul-betul boleh memenuhi kehendak negara? Panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih susah dia hendak jawab.

Datin Padukan Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, apabila Institusi Sukan Negara disiapkan, KKBS bertujuan ialah diharap apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi.

Tuan Mohd. Noor bin Bedah: Soalan tambahan. Kita dapat memerhatikan hari ini bahawa prestasi dan juga mutu sukan negara kalau hendak dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu terutama sekali dalam bidang olahraga, dalam bidang badminton, dalam bidang Hoki dan juga bola sepak. Dalam tahun 60an bidang ini telah mencapai ke tahap yang amat tinggi tetapi akhir-akhir ini bidang ini terus menunjukkan sangat rendah. Begitu juga sekarang ini peserta-peserta sukan ini dalam Sukan SEA yang berjalan di Bangkok sekarang ini kecuali pasukan renang, pasukan-pasukan lain saya rasa tidak menunjukkan kejayaan-kejayaan yang kita harap-harapkan, walaupun kita telah menghantar ahli-ahli sukan yang ramai ke pertandingan itu. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah galakan dan bagaimanakah Kerajaan akan mengatasi kelemahan-kelemahan ini?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemerosotan mutu sukan, seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat kepada Dewan yang mulia ini, di sini saya hendak memaklumkan bahawa negara kita sedang membangun dan masih baharu dalam bidang sukan. Sekiranya kita bandingkan dengan rekod lama, mutu sukan kita tidak jatuh. Tetapi adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya mutu sukan meningkat, Kementerian akan

menganjurkan latihan kursus-kursus, memberi motivasi dan pimpinan bertujuan untuk meninggikan taraf mutu sukan. Ini juga memeransangkan Kementerian, bagaimanapun kita akan mencuba seberapa daya untuk meninggikan mutu sukan.

BIL TELEFON-ADUAN

4. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sejauh mana Jabatan Telekom membuat penyiasatan menyeluruh dari aduan-aduan bil telefon yang tinggi dari masa ke masa dan adakah kemungkinan kakitangan Jabatan Telekom terlibat dengan membuat panggilan telefon melalui talian pelanggan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya melalui Jabatan Telekom sedang menjalankan penyiasatan menyeluruh mengenai aduan-aduan bil telefon yang tinggi. Suka saya menyatakan di sini bahawa setakat ini tiada bukti yang menunjukkan bahawa ada penyelewengan melalui "rigging" atau penggunaan talian-talian telefon pelanggan atau perbuatan rasuah di kalangan anggota Jabatan Telekom.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Telekom mengeluarkan tidak kurang dari 783,758 bil-bil telefon tiap-tiap bulan pada tahun 1984 dan sekarang tentulah bertambah. Daripada jumlah ini cuma 3,465 pelanggan ataupun 0.5 peratus atau setengah peratus sahaja yang telah mengadu kepada Jabatan Telekom tentang ketidakpuasan hati terhadap bayaran panggilan bermeter yang dilsenakan dan daripada jumlah ini juga didapati cuma 0.05 peratus sahaja yang merupakan aduan-aduan berasas. Yang 0.05 peratus bil-bil telefon tinggi ini berpunca kebanyakannya daripada

kerusakan peralatan telefon dan kesilapan dalam kiraan bil telefon itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya melalui Jabatan Telekom telah dan akan sentiasa berusaha untuk memperketatkan lagi sistem kawalan bagi semua aspek kerja agar penyelewengan atau perbuatan amalan rasuah di kalangan anggota Telekom tidak akan berlaku. Usaha-usaha juga dijalankan untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan Telekom dengan memperkenalkan peralatan moden dan latihan kakitangan supaya perkara-perkara seperti bil-bil tinggi kerana kerosakan atau kesilapan dalam kiraan dapat dikurangkan lagi.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, jika sekiranya perkara rigging ini tidak dilakukan, adakah kemungkinan berlaku penyelewengan oleh pengguna-pengguna telefon sendiri iaitu dengan menggunakan, dengan izin, reverse charge kepada nombor telefon yang boleh didapati daripada Buku Panduan Telefon yang mana kerap kali perkara ini boleh dilakukan kerana mereka itu boleh tahu nombor sesuatu telefon itu mereka telefon dahulu, angkat dan mereka menggunakan balik nombor itu dengan memberitahu kepada operator iaitu menggunakan nombor yang mereka ketahui itu supaya reverse charge itu dikenakan kepada nombor yang mereka ketahui. Jadi, adakah ini berlaku dan adakah perbuatan seperti ini boleh dikesan atau tidak oleh pihak operator dalam Jabatan Telekom.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya juga memang banyak kali dengar cerita-cerita seumpama ini tetapi setakat ini dari segi siasatan Jabatan Telekom, perkara ini tidak pernah berlaku. Kaiaupun mahu berlaku tentu dapat dikesan oleh pihak Jabatan Telekom atau operatornya sendiri.

KILANG PENAPIS MINYAK- KEBENARAN

5. **Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa satu lesen untuk mengeluarkan petrol (oil refinery) telah diberi kepada syarikat bumiputera dan nyatakan mengapa projek ini tidak dijalankan oleh PETRONAS sendiri.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang sama seperti ini telah saya berikan semasa menjawab soalan Yang Berhormat Senator Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan pada 5hb Disember, 1985. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

BALAI BOMBA DI KAWASAN PERINDUSTRIAN

6. **Dato' Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tidak ada Balai-balai Bomba di kawasan-kawasan perindustrian dan sama ada beliau akan menswastakan Jabatan ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa beberapa kawasan-kawasan perindustrian tidak mempunyai Balai Bomba dan Kementerian saya sedang berusaha untuk membina lebih banyak Balai Bomba di kawasan-kawasan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak \$2.5 juta dalam Belanjawan 1986 untuk membina Balai-balai Bomba di kawasan perindustrian di Pasir Gudang di Johor, Kertih di Terengganu dan Bintulu di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hampir semua kawasan perindustrian terletak dalam lingkungan 8 hingga 10 kilometer dari Balai-balai Bomba yang sedia ada. Kementerian saya juga telah pun mengadakan Balai Bomba di Kawasan Perindustrian Bayan Lepas, Pulau Pinang iaitu satu usahasama Jabatan Bomba, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan pekilang-pekilang Bayan Lepas; Kawasan Perindustrian Shah Alam dan Damansara Utama di Selangor serta Kertih di Terengganu.

Di samping itu beberapa kawasan industri dengan risiko kebakaran tinggi telah pun diminta mengadakan kereta bomba dan menubuhkan Pasukan Bomba sendiri seperti Kilang Penapis Minyak Shell dan Esso di Port Dickson, Negeri Sembilan, PETRONAS di Kertih, Terengganu; Shell dan PETRONAS di Bintulu, Sarawak; Kilang HICOM di Batu Tiga, Shah Alam, Selangor dan lain-lain lagi.

Kementerian saya juga menggalakkan tiap-tiap syarikat industri supaya menubuhkan Pasukan Bomba sukarela sendiri. Langkah ini adalah dianggap positif berasaskan kepada sifat-sifat api yang mesti dikawal dan dipadamkan dengan serta-merta sebelum ianya merebak. Kementerian saya juga menggalakkan syarikat-syarikat industri bekerjasama sesama sendiri mengadakan langkah kawalan kebakaran di kawasan mereka. Jabatan Bomba juga sentiasa memberi bantuan latihan dan ceramah sepenuh masa.

Setakat ini Kementerian saya tidak bercadang untuk menswastakan perkhidmatan Bomba memandangkan ianya adalah juga satu perkhidmatan sosial kepada orang ramai dan masyarakat umumnya. Walau bagaimanapun, Kementerian saya bersedia mengkaji beberapa aspek perkhidmatan Bomba yang boleh diswastakan dan mempertimbangkan

permohonan dari syarikat-syarikat swasta yang ingin menyertai penswastakan perkhidmatan ini.

Dato' Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat itu sedar bahawa kereta-kereta bomba di dalam negara kita ini sebahagian daripadanya tidak dapat digunakan. Walaupun pada zahirnya kita tengok kereta ini baik, sebagaimana di dalam ucapan saya semalam saya mengatakan warna catnya merah, berlagak sebagai kereta yang handal dan kuat tetapi apakala kebakaran berlaku tidak dapat kereta ini lari dengan begitu kuat disebabkan sudah tua, kurang tenaga, sudah lama nafsu ada, tenaga kurang. Maksud saya, nafsu kereta ini kalau ditengok pada zahirnya kuat, tetapi tenaga enjin di dalamnya kurang. Jadi selalu terdapat apabila kebakaran umpamanya berlaku di dalam kawasan luar bandar, apakala berlaku sahaja, kita pun telefonlah Bomba. Maka dia pun datanglah dengan kentong, kenting, kentong, kenting, sampai tidak juga lagi, bunyinya dahulu yang sampai, kereta belum juga sampai! Alhamdulillah, kebakaran pun sudah berlaku, sudah jadi abu, barulah kereta ini sampai.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang, kalau tidak dapat diganti semua, kereta yang tersebut sebahagian daripadanya pun jadilah, terutamanya di kawasan-kawasan yang terpencil, apakala didapati kereta-kereta buruk ini diganti kepada yang baru, adakah Yang Berhormat bercadang menggantikannya? Kalau tidak, kenapa? Ini melibatkan harta rakyat. Kalau bercadang, bila?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa beberapa kereta bomba lama sedang digunakan dan Kementerian saya bercadang

untuk menggantikan beberapa kereta bomba lama dengan kereta-kereta bomba baru.

Sukalah saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa dalam Rancangan Malaysia Keempat saya tidak dapat memastikan angkanya dengan tepat tetapi tidak kurang daripada 50 buah kereta bomba yang baru telah dilengkapkan di beberapa Balai-balai Bomba. Cadangan Kementerian saya ialah untuk menggantikan semua kereta-kereta bomba yang difikirkan telah lama ataupun tidak wajar digunakan oleh kerana usianya telah lama, tetapi ini terpulanglah kepada kemampuan Kerajaan dari segi kewangan untuk menggantikan dan membeli kereta-kereta bomba yang baru.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana dengan Kawasan Perindustrian di Teluk Panglima Garang yang kedudukannya lebih daripada 8 kilometer di antara Kelang dan Banting dan adakah di kawasan Teluk Panglima Garang ini akan dibina satu Balai Bomba ataupun akan diminta tuan-tuan punya kilang di situ untuk mengadakan bombanya sendiri?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa Kawasan Perindustrian Teluk Panglima Garang itu terletak sejauh 8 kilometer dari Kelang dan seperti yang telah pun saya jawab, memang benar bahawa beberapa kawasan perindustrian termasuk Teluk Panglima Garang, belum memperolehi Balai Bomba dan pada tahun 1986 cuma di empat buah tempat, peruntukan telah pun diluluskan oleh Kerajaan supaya membina Balai Bomba.

Kita telah pun bercadang untuk membina Balai-balai Bomba oleh kerana kawasan-kawasan ini mempunyai risiko yang tinggi, tetapi seperti saya telah terangkan, ini memerlukan kewangan yang besar dan bergantunglah kepada kemampuan Kerajaan. Walau bagaimanapun, kita sedang dan akan berhubung dengan syarikat-syarikat yang terletak di tiap-tiap kawasan perindustrian dan di beberapa kawasan-kawasan yang berkenaan, syarikat-syarikat telah mengambil langkah-langkah seperti saya jelaskan tadi untuk menubuhkan Pasukan Bomba sukarela ataupun mengadakan beberapa sistem untuk melawan kebakaran sebelum kereta bomba dapat datang ke tempat kebakaran.

BANJIR-TINDAKAN DIAMBIL

7. **Tuan Kee Yong Wee** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada persiapan-persiapan telah dibuat untuk menghadapi keadaan banjir akibat dari musim hujan yang datang awal khususnya di negeri-negeri Pantai Timur, jika ada, berapa perbelanjaan yang terlibat untuk menjalankan kerja-kerja kebajikan kepada mangsa-mangsa banjir.

Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, persiapan telah pun dibuat untuk menghadapi kemungkinan berlakunya banjir pada musim hujan di negeri-negeri yang terlibat. Setakat ini telah dipastikan 2,735 buah pusat pemindahan di seluruh negara yang boleh menampung seramai 755,400 orang mangsa. Sebanyak 200 buah pusat bekalan hadapan (forward base) juga disediakan, iaitu 107 di Kelantan, 50 di Terengganu dan 43 di Pahang. Di pusat-pusat tersebut bekalan makanan seperti beras, ikan sardin, susu, kopi, teh, gula dan minyak masak disediakan untuk keperluan seminggu. Tambahan akan dihantar dari masa ke semasa jika

keadaan memerlukannya. Peruntukan berjumlah sebanyak \$1.48 juta telah disediakan bagi bantuan bencana alam termasuk kerja kebajikan kepada mangsa-mangsa banjir.

Dato' G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri tolong beritahu sama ada beliau sedar bahawa semalam ketika banjir berlaku, Sungai Kelang sungguhpun penuh dengan air tetapi dia tidak melimpah keluar tebingnya. Ini bermakna sungai ini masih lagi boleh memuatkan lebih air dari kawasan-kawasan yang berhampiran. Tetapi air dari kawasan-kawasan yang berhampiran tidak dapat disalurkan ke sungai ini disebabkan perparitan dari kawasan-kawasan ini ke Sungai Kelang tidak dirancang dengan begitu rapi sekali, maka air tidak dapat mengalir ke sungai ini. Ini menyebabkan banjir. Adakah pendapat saya benar? Kalau ya, apakah cara-caranya bagi mengatasi masaiah ini?

Dato' Rais Yatim: Saya berterima kasih oleh kerana masa hujan lebat pun Ahli Yang Berhormat sempat menengok tahap air di Sungai Kelang. (*Ketawa*). Pihak saya dan Jawatankuasa Banjir pun menyedari hakikat ini. Tetapi sama ada ianya berkeadaan seperti itu lantaran tidak ada penyaluran yang baik ataupun sememang oleh kerana sungai itu telah diparitkan dan di datamkan asasnya, maka keadaan sebegini tidak dapat dipastikan. Namun pihak yang berkenaan telah menyatakan sebahagian besar daripada masalah wujudnya, dengan izin, bottle-neck, ataupun penghalangan di tempat-tempat tertentu ialah lantaran beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab, misalnya membiarkan keadaan sampah sarap dan juga keadaan tanah yang membusut di bahagian-bahagian atau landasan di tempat-tempat pemajuan tanah untuk perumahan. Perkara-perkara ini telah pun dimaklumi oleh

Jawatankuasa Banjir di Wilayah Persekutuan dan Selangor dan Kerajaan Negeri yang berkenaan sedang mengambil tindakan bagi menjalankan kegiatan menerusi Jabatan Parit dan Taliair dan juga dengan ikhsan pemaju-pemaju perumahan yang berkenaan.

Tuan D. P. Vijandran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ketika banjir berlaku di kawasan Kuala Lumpur pada tahun 1970, kita diberitahu oleh Kerajaan bahawa banyak langkah-langkah akan dilaksanakan untuk mengelakkan banjir. Sekarang banjir terus melanda lagi di kawasan Kuala Lumpur. Apakah langkah-langkah yang telah dibuat sejak tahun 1970? Apa sebenarnya telah jadi dengan langkah-langkah itu untuk menjaga banjir di kawasan Kuala Lumpur?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, tempoh dari tahun 1970 hingga tahun 1985 adalah satu tempoh yang melibatkan 15 tahun. Menurut data yang diberi oleh pihak berkuasa yang berhubung dengan pembinaan kediaman baru dan lain-lain, menyatakan bahawa tidak kurang dari 12,000 unit rumah dibina atas tapak-tapak yang dikhaskan bagi perumahan dan juga munculnya tempat-tempat perniagaan di mana penggunaan longkang dan sebagainya wujud.

Watau bagaimanapun, keadaan seperti yang diumumkan itu sebahagian besar daripada program-program pencegahan banjir telah pun dijalankan oleh Kerajaan. Jika kita melihat Sungai Gombak itu sendiri, pihak berkuasa telah membina benteng. Jika kita lihat pertemuan sungai-sungai di bandar Kuala Lumpur itu sendiri, pembinaan benteng dan juga usaha-usaha mendalamkannya sentiasa dijalankan. Walaupun pada saya tidak ada angka atau jumlah perbelanjaan yang telah digunakan dalam tempoh 15 tahun itu, saya harap

Ahli Yang Berhormat berpuas hati jika saya nyatakan bahawa Kerajaan menerusi Kementerian Wilayah Persekutuan telah membelanjakan banyak wang bagi kerja-kerja menghindarkan banjir menerusi operasi perparitan dan juga langkah-langkah membina semula kawasan-kawasan yang tersekat perjalanan air semasa bah. Banyak orang berpendapat bahawa Kerajaan itu sendiri tidak dapat menghalang banjir 100%. Tetapi penduduk-penduduk boleh menjalankan kegiatan dan juga khidmat sendiri bagi mengelakkannya. Ini perlu diumumkan dan langkah-langkah untuk bekerjasama antara Kerajaan dan rakyat itu harus diteruskan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Bandaraya Kuala Lumpur bukanlah terletak di tepi pantai ataupun di tepi laut dengan keadaan yang lembah. Bersetujukah Yang Berhormat Menteri jika saya katakan dengan keadaan banjir yang berlaku setelah hujan lebat hanya memakan masa 3 jam atau 2 jam, Kuala Lumpur sebahagian besarnya telah karam dan teruk dilanda banjir? Bersetujukah Yang Berhormat Menteri jika saya katakan bahawa Datuk Bandar Kuala Lumpur sebenarnya tidak serius dengan perancangan mengelakkan banjir sedangkan beliau lebih serius dengan kegiatan-kegiatan sukarela seperti badminton, bolasepak dan sebagainya yang mana bukanlah tugas yang sebenar patut dikendalikannya?

Dato' Rais Yatim: Patut Tuan Yang di-Pertua tidak membenarkan soalan yang kedua itu, tetapi oleh kerana Tuan Yang di-Pertua senyum, bermakna bersetuju supaya disoal, (*Ketawa*) dan oleh yang demikian saya akan cuba menjawab.

Dari bawah dahulu, iaitu kenyataan bahawa sama ada saya bersetuju Kuala Lumpur di lembah atau tidak. Dari segi ilmu alamnya Kuala Lumpur terletak di Lembah Kelang. Jadi dengan sendirinya Kuala Lumpur itu berada di satu paras di mana mudah bagi air untuk melandanya menerusi Sungai Gombak, Sungai Kelang dan anak sungai yang lain. Setelah ini kita terima sebagai hakikat, maka kita harus menerima sebagai satu langkah ikhlas daripada Kerajaan bahawa perbelanjaan bagi membenteng, mendalamkan perparitan dan sungai yang terlibat itu adalah sebahagian daripada apa yang telah menjadi tugas kepada Kerajaan. Cuma oleh kerana jumlah atau, dengan izin, volume air yang tidak disangka sewaktu sesuatu banjir kilat itu, maka walau bagaimanapun dalam dan panjangnya diparitkan semula keadaan itu, ia tidak dapat menampung keadaan yang di luar dugaan.

Apa yang telah berlaku dua hari yang lalu dan khususnya semalam telah pun direkodkan bahawa banjir itu adalah satu banjir yang di luar dugaan sama sekali di atas jumlah air yang mengalir.

Mengenai Datuk Bandar, saya percaya beliau telah menjalankan segala tugasnya yang boleh kita beri pujian setakat ini. Tidak semua kerja yang beliau dan Yang Berhormat Menteri berkenaan dijalankan diumumkan. Ada bahagian-bahagian kerja yang tidak dapat diumumkan sama sekali untuk pengetahuan umum. Dan salah satu daripada kerja-kerja itu ialah kerja-kerja untuk menghindarkan banjir. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ada kata-kata lama dalam bahasa Inggeris mengatakan bah itu ialah sesuatu yang berupa *vis major* atau yang didatangkan tanpa upaya manusia itu menahannya. Dan walau banyak mana

pun wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan jika jumlah air yang mengalir di dalam sungai Kelang, sungai Gombak itu hasil daripada air turunan hujan yang begitu banyak ianya akan masih menghasilkan satu banjir yang menghimpit hidup kita.

Walau bagaimanapun saya meminta supaya Yang Berhormat dapat menerima khidmat Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah, sedang dan akan terus menjalankan ikhtiar untuk menghadapi masalah banjir buat masa ini dan buat masa-masa yang akan datang.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ini satu lagi. Selepas itu cukuplah soalan banjir (*Ketawa*).

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seluruh rakyat akui Kerajaan kita terlampau baik. Rakyat kena kemarau, Kerajaan bantu kemarau. Kena banjir, bantu banjir. Tidak tahu apa lagi bantuan yang akan diberi oleh Kerajaan.

Saya ingin tahu adakah Kerajaan akan bersikap dengan secara bantu ini terus menerus di dalam jangka 5 tahun ke hadapan ini.

Dato' Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya saya berasa senang hati bahawa ada pihak yang menyatakan segala yang telah dihulurkan oleh Kerajaan dalam bentuk bantuan itu mendapat penghargaan. Sama ada di musim hujan atau di musim kemarau. Tinggal lagi berhubung dengan bantuan, kita harus memberi dua klasifikasi kepadanya, iaitu bantuan kebajikan dan subsidi.

Setelah Jawatankuasa Banjir menimbangkan bantuan kebajikan harus diteruskan dalam soal menghadapi banjir. Dalam situasi di mana kawasan-kawasan itu terputus perhubungan daripada bekalan yang berhampiran, kedua dalam situasi di mana anak-anak sekolah itu terpaksa diambil kira kebajikan persekolahannya sesungguhnya lantaran ibu bapa tidak dapat meneruskan kegiatan ataupun pekerjaan harian seperti menoreh ataupun pergi ke bendang dan sebagainya. Sebab itulah maka wang yang \$1.48 juta itu walaupun sekaligus merupakan satu jumlah yang agak besar, namun jika kita perhatikan agihannya kepada seluruh negara merupakan agihan yang kecil.

Bagi menjawab lebih tepat dalam bidang-bidang kebajikan Kerajaan akan terus memberi bantuan dalam konsep yang telah diterangkan tadi.

PROJEK MEWAH-KAWALAN

8. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah wang peruntukan Kerajaan yang dapat diselamatkan melalui langkah Kerajaan mengawal ketat pelaksanaan projek-projek mewah, dan apakah langkah-langkah yang lain yang akan dijalankan oleh Kerajaan bagi mengukuhkan kedudukan ekonomi negara dalam menghadapi gelombang kemerdekaan ekonomi dunia.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah dapat mengurangkan peruntukan pembangunan hampir 50% melalui langkah-langkah mengawal ketat pelaksanaan projek-projek iaitu dari \$12.6 ribu juta dalam tahun 1983 kepada \$10.6 ribu juta dalam tahun 1984 dan seterusnya kepada \$7.6 ribu juta dalam tahun 1985 ini.

Langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi mehgukuhkan kedudukan ekonomi negara yang dan akan diambil oleh Kerajaan telah dinyatakan di dalam Ucapan Belanjawan 1986 ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Secara ringkas langkah-langkah ini meliputi usaha-usaha menggalakkan eksport barangan dan keluaran Malaysia, mengurangkan import, menggalakkan perkembangan industri perkapalan, insuran dan pelancongan.

Dalam usaha-usaha mengurangkan perbelanjaan sektor awam, Kerajaan akan terus mengawal pertumbuhan perbelanjaan pengurusan dan meningkatkan urusan pungutan cukai. Dorongan-dorongan diberi untuk menggalakkan sektor swasta menjadi pendorong utama pertumbuhan ekonomi negara. Galakan yang diberi bertujuan mengurangkan kos perniagaan, merendahkan kos pembiayaan pelaburan dan membenarkan pelabur-pelabur asing meningkatkan jumlah ekuiti mereka.

Pihak Kerajaan pula akan terus menjalankan pengurusan yang cekap di dalam setiap projek pelaburannya. Usaha-usaha juga akan terus diambil ke arah meningkatkan kecekapan dan penggunaan sumber-sumber yang sedia ada.

Penekanan akan diberi kepada projek-projek yang dapat memberi pertumbuhan dan yang mempunyai pulangan yang tinggi, mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak, serta memerlukan kandungan import yang rendah dan tempoh hasil pulangan yang singkat. Dalam pembiayaan projek-projek ini, keutamaan akan diberi ke arah pengembelian sumber-sumber dalam negeri yang lebih besar.

Langkah-tangkah tersebut mudah-mudahan akan dapat membantu kita mengatasi masalah kemelesetan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua: Tempoh soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 33 adalah diberi di bawah ini).

PEMBANGUNAN PERTANIAN MODEN

9. **Dato Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementeriannya sudah menyedlakan garis panduan terhadap sektor pertanian masa kini hingga ke tahun 2000 dengan mengambil kira aspek dan alam semulajadi serta kedudukan sosio-ekonomi petani-petani/nelayan-nelayan suluruh negara bagi mewujudkan sektor pertanian moden.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Pembangunan sektor pertanian sekarang ini adalah berpandukan kepada Dasar Pertanian Negara. Dasar ini membentangkan garis panduan untuk pembangunan pertanian sehingga tahun 2000 dan semasa penggubalannya segala aspek termasuk kedudukan sosio-ekonomi petani dan nelayan telah diberi perhatian.

TOL DI TAMBAK JOHOR-KUTIPAN

10. **Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Menteri Kerjaraya menyatakan jumlah kutipan tol di jambatan Johor Bahru dan jumlah kutipan sejak ia dimulakan.

Menteri Kerjaraya (Dato S. Samy Vellu): Kadar-kadar tol yang dikenakan di Tambak Johor Bahru adalah seperti berikut:

Jumlah kutipan Tol semenjak Tambak Johor Bahru dikenakan tol pada 1-11-84 hingga 31-10-85 ialah \$5,226,978.37.

<i>Kategori kenderaan</i>	<i>Tol yang kena dibayar dipintu Tol Plaza Tol Komplek Imigresen</i>
1. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda	\$1.00
2. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda	2.00
3. Kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih	3.00

JAMBATAN PULAU PINANG - KAWALAN KESELAMATAN

11. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) bitangan orang yang telah jadi maut akibat terjun ke dalam laut sejak jambatan Pulau Pinang buka kepada orang ramai, dan nyatakan langkah-langkah keselamatan akan diambil supaya perkara tersebut tidak berulang lagi; dan
- (b) berapakah jumlah kutipan tol yang telah dapat dipungut sejak jambatan tersebut dibuka pada orang ramai hingga 3hb Oktober, 1985.

Dato S. Samy Vellu:

- (a) Semenjak jambatan Pulau Pinang dibuka kepada orang ramai pada 14hb September, 1985, seramai tiga orang telah menjadi maut akibat terjun ke dalam laut. Untuk memastikan kejadian seperti ini tidak berlaku lagi di masa hadapan, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia akan mengambil langkah-langkah keselamatan untuk bukan sahaja mencegah daripada akibat yang serupa ini, bahkan juga mencegah lain-lain kejadian seperti rompakan dan kemalangan di jambatan itu.

Di antara langkah-langkah yang akan diambil ialah memasang papan tanda (Sign Board) tertentu, seperti mencegah kenderaan berhenti di sepanjang jalan, tidak membenarkan berjalan kaki dan memancing di jambatan itu. Segala pencegahan dan larangan tersebut akan dikuatkuasakan oleh pihak polis, yang mana tugas-tugas itu akan diambil alih oleh satu unit peronda lebuhraya, Lembaga Lebuhraya Malaysia yang akan ditubuhkan dan dijangka akan beroperasi pada awal bulan Januari, 1986.

- (b) sejak jambatan Pulau Pinang dibuka kepada orang ramai pada 14hb September, 1985 hingga akhir 31hb Oktober, 1985, jumlah kutipan Tol yang dapat dipungut ialah sebanyak \$2.75 juta.

DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT

12. **Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan dengan penggunaan diesel daripada minyak kelapa sawit, tercipta lagi satu pembaharuan dalam

kemajuan perindustrian negara kita. Bilakah kegunaan tersebut akan diperluaskan dan nyatakan jika:

- (a) jumlah pekerja yang dapat ditampung dalam projek ini; dan
- (b) keuntungan diperolehi melalui projek ini.

Timbatan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Operasi loji rintis diesel minyak kelapa sawit telah dilancarkan dengan rasminya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 2hb November, 1985 yang lalu. Ujian-ujian di peringkat makmal telah memberikan hasil yang amat menggalakkan di atas kesesuaian penukaran keluaran-keluaran minyak kelapa sawit kepada diesel minyak kelapa sawit.

Ujian-ujian loji rintis diesel minyak kelapa sawit masih di peringkat awalan, dan akan mengambil tempoh selama dua tahun untuk siap. Oleh itu adalah terlalu awal untuk memberikan apa-apa angka memandangkan banyak lagi kajian yang perlu dijalankan di dalam bidang yang berkenaan.

RUMAH KEPADA BUMIPUTERA - JUALAN

13. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Perumahan menyatakan sejauh mana pencapaian kadar 30% yang diperuntukkan kepada Bumiputera bagi pembelian rumah daripada pemaju-pemaju perumahan sehingga bulan September, 1985.

Dato' S. Subramaniam: Mengikut rekod Kementerian ini, pada tahun 1984 secara keseluruhannya penjualan rumah-rumah kepada Bumiputera adalah 37.75% dan bagi bulan Januari-Jun, 1985 pula peratusannya ialah 37.62%. Dengan ini bolehlah dikatakan bahawa pembelian 30% unit-unit rumah yang diperuntukkan kepada Bumiputera telah dicapai.

PERDAGANGANDUA-HALA MALAYSIA-RUSSIA

14. **Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bagaimanakah peningkatan hubungan Dagang Dua-hala Malaysia-Russia yang berjalan sekarang; adakah setimbang hubungan dagang itu dan berapakah angkanya bagi tempoh (3) tahun kebelakangan ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Sejak beberapa tahun kebelakangan ini jumlah perdagangan di antara Malaysia dan Russia telah meningkat. Jumlah perdagangan telah meningkat sebanyak 67.5% daripada tahun 1977 sehingga tahun 1984. Imbangan perdagangan di antara Malaysia dan Russia adalah sentiasa menguntungkan Malaysia. Kelebihan dagangan telah meningkat dari M\$494.3 juta pada tahun 1982 ke M\$662.1 juta pada tahun 1983. Manakala pada tahun 1984, kelebihan dagangan yang tercatat adalah M\$453.1 juta. Dari segi angka perdagangan pula jumlah perdagangan Malaysia dan Rusia telah meningkat dari M\$622.5 juta pada tahun 1982 ke M\$739.1 juta pada tahun 1983. Jumlah perdagangan untuk tahun 1984 yang tercatat adalah M\$538.9 juta.

PERUMAHAN PEKERJA-PEKERJA LADANG

15. **Puan Sri Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Buruh menyatakan adakah beliau sebarang rancangan untuk memperbaiki keadaan yang buruk yang terdapat di kawasan perumahan di estate-estate demi kepentingan pekerja-pekerja yang bekerja di estate-estate tersebut.

Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam); Kementerian saya sentiasa memandang berat tentang kualiti

perumahan pekerja di ladang-ladang dan berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan Peruntukan-peruntukan Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja 1966 dan Kanun Buruh dipatuhi oleh pihak majikan. Pegawai-pegawai Kementerian saya sering mengadakan lawatan pemeriksaan dari masa ke semasa di ladang-ladang atau membuat lawatan berikutan dengan aduan-aduan yang diterima. Jika didapati kawasan dan keadaan perumahan pekerja-pekerja ladang tidak mematuhi taraf kesihatan dan keselamatan yang munasabah, tindakan yang sewajarnya akan diambil di bawah undang-undang

tersebut. Bilangan ladang-ladang yang telah diperiksa (1982-85):

<i>Tahun</i>	<i>Bil. Ladang</i>
1982..	4,611
1983..	4,715
1984..	4,355
1985 (hingga September)	3,202

Di bawah undang-undang di atas juga pihak tuan empunya ladang adalah bertanggungjawab memperbaiki keadaan perumahan di ladang-ladang yang merupakan harta mereka sendiri. Bilangan unit rumah pekerja yang dibina di bawah Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja 1966:

<i>Tahun</i>	<i>Rumah-rumah Baru</i>	<i>Rumah yang telah diubahsuai (mengikut piawai)</i>	<i>Jumlah</i>
1982	4,439	15	4,454
1983	2,973	83	3,056
1984	1,817	40	1,857
1985 (sehingga September)	1,606	59	1,665
JUMLAH	10,835	197	11,032

Antara peruntukan-peruntukan Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja 1966 dan Kanun Buruh yang mesti dilaksanakan oleh majikan-majikan estate untuk kesejahteraan kehidupan dan kualiti perumahan pekerja-pekerja mereka adalah seperti berikut:

- (a) Jika sekiranya dalam kontrak perkhidmatan majikan bersetuju menyediakan perumahan kepada pekerja-pekerjanya, piawai perumahan tersebut mestilah tidak kurang dari apa yang diperuntukan dalam Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja 1966. Pelan-pelan perumahan mesti

diluluskan oleh Ketua Pengarah Buruh dan rumah-rumah pekerja tersebut hanya boleh diduduki setelah Ketua Pengarah Buruh mengeluarkan Sijil Kelayakan (Certificate of Fitness).

- (b) Bekalan air hendaklah mencukupi dan mengikut piawai.
- (c) Majikan hendaklah menyediakan kemudahan perubatan dan rawatan.
- (d) Majikan hendaklah menyediakan pengangkutan bagi pesakit ke hospital,

- (e) Majikan hendaklah memastikan perumahan pekerja dan kawasan sekitarnya diperiksa setiap hari oleh Pembantu Hospital atau sesiapa yang bertanggungjawab untuk memastikan keadaan yang bersih.

SUMBER LAUT (IKAN)

16. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah benar sumber laut (ikan) di perairan Negara ini semakin berkurangan dan bilangan nelayan makin bertambah menyebabkan tangkapan mereka berkurangan. Jika benar apakah rancangan Kerajaan bagi mengatasinya:

- (a) adakah Kerajaan bercadang mengurangkan pengeluaran lesen menangkap ikan; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang mengaihkan pandangan mereka daripada merangkap ikan kepada rancangan pertanian yang boleh menjamin pendapatan mereka seperti memasuki rancangan FELDA dan lain-lain lagi.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Negara ini memang menghadapi masalah berkurangnya sumber laut (ikan) di perairan negara terutama di Pantai Barat Semenanjung. Bilangan nelayan meningkat dalam tahun-tahun tujuh puluhan tetapi mulai tahun 1981 bilangan nelayan telah mulai berkurangan. Walau bagaimanapun, pengurangan bilangan nelayan ini adalah dalam bilangan yang kecil dan masih belum dapat mengatasi masalah pengurangan sumber yang berlaku. Untuk mengatasi masalah ini Kerajaan sedang mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (a) Menimbang untuk mengurangkan lesen-lesen dan bot-bot menangkap ikan di

perairan pantai. Sebagai langkah permulaan, lesen-lesen hanya dikeluarkan untuk nelayan-nelayan tulin yang mengusahakan bot sendiri di perairan pantai. Pemilik bot yang bukan pengusaha sedang dikeluarkan secara berperingkat-peringkat.

- (b) Merancang dan menyediakan beberapa program untuk memindahkan sebahagian daripada nelayan lebih ke sektor-sektor lain seperti pertanian, pembmaan dan perniagaan. Program latihan juga dirancang untuk diberi kepada nelayan-nelayan yang akan meninggalkan aktiviti menangkap ikan.

PERKHIDMATAN TELEKOM-PENSWASTAAN

17. **Tuan Harun bin Hasan** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sejauh mana pelaksanaan ke arah menswastakan perkhidmatan telekom setelah Rang Undang-undang mengenainya telah diluluskan oleh Sidang Parlimen yang lepas, apakah pihak swasta dan kalau ada bagaimana perkembangannya.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar: Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah pun menubuhkan Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM) baru-baru ini dan Pengerusi Syarikat telah pun dilantik sebagaimana yang diumumkan baru-baru ini. Buat permulaannya syarikat ini akan dipunyai sepenuhnya oleh Kerajaan dan ianya dijangka akan dapat beroperasi sepenuhnya pada tahun hadapan apabila urusan-urusan yang bersangkutan dengan pemindahan kakitangan-kakitangan JTM kepada Syarikat tersebut selesai kelak.

LESEN TV

18. **Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Penerangan menyatakan dengan kadar kenaikan harga lesen TV kepada \$36.00 apakah pihaknya menimbangkan kesan-kesan terhadap masyarakat luar bandar.

Menteri Penerangan (Dato Rais Yatim): Soalan yang sama telah saya jawab pada 6hb Disember, 1985. Walau bagaimanapun saya ingin tegaskan sekali lagi bahawa kenaikan kadar lesen TV adalah cuma pada TV warna sahaja. Kadar lesen TV hitam/putih adalah masih dikekalkan pada kadar \$24.00. Dalam pada itu lesen radio di rumah akan dimansuhkan sama sekali.

Kementerian saya berpendapat kenaikan ini tidak akan menimbulkan kesan yang buruk kepada masyarakat luar bandar kerana jika seseorang itu mampu membeli televisyen warna yang lebih mahal, maka beliau juga berkemampuan membayar tambahan \$1.00 sebulan lagi lesennya.

(Soalan No. 19. Sila lihat Jawapan No. 18 pada 10-12-85).

HARGA MINYAK KELAPA SAWIT

20. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah benar bahawa harga minyak kelapa sawit jatuh disebabkan persaingan negara jiran yang mengeluarkan minyak kelapa sawit lebih banyak dari negara ini. Jika benar, apakah langkah-langkah menyeluruh Kerajaan untuk mengatasinya.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Adalah benar bahawa persaingan dari negara jiran iaitu Indonesia telah menyumbang kepada kejatuhan harga minyak kelapa sawit yang dialami pada masa ini walaupun negara tersebut sebenarnya tidak mengeluarkan minyak kelapa sawit lebih banyak

daripada negara kita. Persaingan yang dihadapi bukan sahaja dalam bentuk jumlah minyak kelapa sawit yang dieksport oleh negara berkenaan tetapi lebih dalam bentuk harga yang lebih rendah ditawarkan berbanding dengan harga yang ditawarkan oleh pengeksport-pengeksport Malaysia.

Walaupun begitu, kejatuhan harga ini bukan sahaja disebabkan oleh faktor persaingan tetapi juga disebabkan oleh beberapa faktor lain, termasuk:

- (a) penambahan ketara dalam penawaran minyak dan lemak dunia hasil daripada pengeluaran yang meningkat bagi kacang soya, "rapeseed", biji matahari, kelapa kering dan juga minyak kelapa sawit.
- (b) penambahan pengeluaran minyak kelapa sawit di negara ini di musim kemuncak pada bulan September dan Oktober yang lalu di mana pengeluaran dalam setiap bulan tersebut melebihi 500,000 tan metrik.
- (c) kadar perkembangan permintaan minyak dan lemak dunia yang lebih rendah dan tidak dapat menyamai kadar penambahan penawaran akibat tindakan pengguna menunggu kejatuhan harga ke paras sehabis-habis rendah sebelum membuat pembelian.

Bagi menghadapi persaingan daripada Indonesia ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Perusahaan Utama telah membuat lawatan ke Indonesia baru-baru ini untuk menekankan betapa perlunya Malaysia dan Indonesia mengelakkan diri daripada terlalu bersaing di antara satu dengan lain di bidang pemasaran minyak kelapa sawit sehingga boleh merugikan kedua-dua belah pihak. Atas inisiatif yang telah dilakukan setakat ini, Kerajaan berharap Indonesia akan meningkatkan kerjasama dalam

bidang pemasaran minyak kelapa sawit pada masa akan datang. Di samping itu, satu strategi tindakbalas yang komprehensif sedang disusun untuk menghadapi persaingan yang semakin bertambah dari negara tersebut. Strategi berkenaan akan mengandungi langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang sesuai dengan mengambilkira tentang perlunya ditingkatkan lagi daya persaingan minyak kelapa sawit negara di pasaran eksport. Oleh kerana sesuatu strategi tindakbalas itu terutama dalam dunia perniagaan tidak sewajarnya diketahui oleh pihak pesaing, maka saya tidak bercadang untuk mengumumkannya buat ketika ini.

IMIGREN HARAM

21. **Tuan Ng Ah Poi** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa telah banyak berlaku masalah imigren haram sehingga ketenteraman masyarakat Malaysia diancam, jika sedar apakah langkah akan diambil untuk mencegahnya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa sebilangan kecil warganegara-warganegara asing telah dikesan memasuki negara ini secara haram. Oleh itu, Kementerian mengambil tindakan tegas mengikut Undang-undang untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir pendatang-pendatang haram itu ke negara asal mereka. Tindakan tegas Kementerian adalah dibuktikan oleh jumlah tangkapan pendatang-pendatang haram yang dibuat dalam tahun 1983, 1984 dan sehingga 30hb September, 1985, perangkaan berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Ditangkap</i>	<i>Diusir</i>
1983 ..	5,147	4,573
1984 ..	7,331	6,647
1hb September 1985	10,709	10,040

Kementerian Dalam Negeri juga sedang menyusun langkah-langkah yang sesuai bagi memperketatkan lagi kawalan di pintu-pintu masuk rasmi ke negara ini serta meningkatkan rondaan di kawasan-kawasan pengairan Malaysia dan kawasan sempadan daratan.

Pada masa ini, kemasukan pendatang-pendatang haram ke negara ini tidak menjadi masalah kepada ketenteraman awam atau keselamatan negara. Namun demikian, Kementerian Dalam Negeri tetap mengambil tindakan tegas mengikut Undang-undang terhadap pendatang-pendatang haram, tanpa mengira negara asal mereka.

PERSATUAN IBU BAPA GURU (PIBG) SEKOLAH-SEKOLAH

22. **Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa Perlembagaan Persatuan Ibu Bapa Guru di sekolah-sekolah yang ada sekarang ini tidak memberi peluang yang banyak kepada Ibu Bapa untuk memberi sumbangan yang lebih luas dan positif kepada sekolah dan jika sedar apakah Kementerian bercadang untuk mengemaskinikan Perlembagaan Persatuan Ibu Bapa Guru mengikut Kemajuan pembangunan sekarang ini.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Kaedah-kaedah Persatuan Ibu Bapa Guru sepertimana yang ada sekarang tidak menghalang ibu bapa memainkan peranan positif dalam PIBG untuk memajukan sekolah masing-masing dengan syarat matlamat semua aktiviti yang dijalankan tertumpu kepada kebajikan pelajar-pelajar sekolah tersebut.

Seperti yang dinyatakan dalam Tujuan dan Maksud Kaedah-kaedah Persatuan Ibu Bapa Guru, 1973 ibu

bapa adalah bebas untuk memberi apa saja sumbangan yang mereka mampu dari segi tenaga atau kewangan, untuk kebaikan sekolah-sekolah. Oleh kerana itu Kementerian Pelajaran belum bercadang untuk meminda Perlembagaan PIBG yang ada sekarang.

BAHASA CINA DI MAKTAB PERGURUAN MIRI

23. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kerajaan akan bercadang mengadakan kursus-kursus di maktab perguruan di negeri Sarawak bagi melatih guru-guru yang akan mengajar bahasa Tionghua di sekolah-sekolah rendah bantuan di negeri Sarawak, atau apa langkah-langkah yang sedang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi kekurangan guru-guru tersebut.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kementerian Pelajaran memang ada menjalankan Kursus Pendidikan Sekolah Rendah dalam bidang Pengajian Bahasa Cina (PSR/PC) di Maktab Perguruan Miri di Sarawak.

Guru-guru pelatih yang mengikuti kursus tersebut adalah dilatih untuk mengajar semua mata pelajaran dengan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar.

Kursus ini merupakan sebagai salah satu kursus di Maktab Perguruan Miri di Sarawak untuk menampung keperluan guru-guru yang berkenaan.

PENYAKIT AIDS

24. **Tuan Haji Mohamed bin Yahaya** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengenai penyakit AIDS:

- (a) apakah tanda-tanda jika seseorang itu terkena penyakit AIDS, dan di negara manakah mula-mula penyakit ini berlaku;

(b) berapa ramai rakyat Malaysia yang terkena penyakit AIDS ini sejak penyakit ini dikenali di Malaysia;

(c) apakah yang harus rakyat Malaysia lakukan untuk menjauhkan terkena penyakit AIDS ini; dan

(c) apakah langkah-langkah Kementerian Kesihatan untuk mencegah supaya penyakit AIDS ini tidak berlaku di Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

(a) AIDS merupakan satu sindrome penyakit tanpa tanda-tanda yang jelas. Ramai pesakit yang terkena AIDS, bagaimanapun, ada demam, tidak ada selera untuk makan, berat badan menurun, keletihan yang amat sangat dan bengkak kelenjar. Tanda-tanda tersebut berlaku dalam tempoh 3 bulan sebelum keadaan pesakit bertambah teruk sebelum mendapat "karposis sarcoma" (sejenis kancer kulit) dan "Pneumocystis pneumonia" (sejenis jangkitan parasit di paru-paru). AIDS dikatakan berasal dari Afrika Tengah, walaupun kes pertama dilaporkan pada tahun 1981 di Amerika Syarikat.

(b) Tiada kes AIDS dikesan di Malaysia.

(c) Langkah-langkah yang perlu diambil oleh seseorang untuk mencegah dari dijangkiti AIDS adalah seperti berikut:

- (1) Jangan buat hubungan jenis dengan orang yang diketahui atau disyaki mengidap AIDS atau yang menyalahguna dadah, ataupun yang mempunyai pasangan seks yang ramai.

- (2) Menjauhkan diri dari pasangan seks yang ramai kerana kemungkinan mendapat AIDS adalah bertambah melalui hubungan seks dengan pasangan yang tidak diketahui.
- (3) Jauhi dari menggunakan dadah khasnya secara suntikan. Janganlah berkongsi atau menggunakan jarum atau picagari yang telah dipakai.
- (4) Orang-orang yang berisiko tinggi mendapat AIDS, seperti homoseks, penagih dadah, pelacur dan sebagainya, janganlah menderma darah.
- (d) Mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mencegah AIDS dari berlaku di Malaysia soalan yang sama juga telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hasanah binti Mohd. Kassim dan telah pun dijawab pada 11hb Disember, 1985 secara menyeluruh. Saya harap Yang Berhormat dapat merujuk kepada jawapan yang berkenaan.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

25. **Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tujuan dan hasil-hasil yang diperolehi di dalam lawatan Perdana Menteri ke Negeri China baru-baru ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj): Saya mohon izin untuk memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini

telah pun dijawab semasa Yang Berhormat Menteri Luar menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim pada 4-12-1985.

Saya tidak ada apa-apa tambahan lagi hendak dibuat kepada jawapan tersebut.

LATIHAN USAHAWAN BUMIPUTERA

26. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) apakah jenis-jenis latihan yang telah dibekalkan oleh Kementeriannya untuk membantu usahawan Bumiputera;
- (b) berapa ramai Bumiputera yang telah menjalani latihan-latihan tersebut sejak 1981 hingga 1984; dan
- (c) apakah jenis bantuan kewangan yang diberikan kepada mereka untuk berniaga dan bagaimana tahap kejayaan oleh pengusaha-pengusaha Bumiputera itu.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz);

- (a) Kementerian saya tidak memberi latihan secara langsung bagi membantu usahawan Bumiputera. Namun demikian, latihan-latihan yang boleh membantu Bumiputera dalam bidang perniagaan adalah dilaksanakan sama ada secara langsung atau tidak oleh agensi-agensinya di bawah Kementerian. Agensi-agensinya tersebut ialah Bank Pembangunan Malaysia (Berhad) (BPMB), Malaysia Industrial Development Finance (MIDF) dan juga Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN).

Jenis-jenis tatihan yang diberi adalah dalam bentuk kursus, seminar, ceramah dan juga forum. Latihan-latihan tersebut adalah bertujuan untuk memberi kesedaran ke atas pentingnya pengurusan perniagaan di samping memberi latihan dan bimbingan mengenai teknik-teknik pengurusan perniagaan, pengurusan projek, perumahan perakaunan pemasaran, khidmat nasihat dan perundingan. Di antara kursus yang diadakan adalah Kursus Pembangunan usahawan. Kursus ini merupakan anjuran bersama BPMB, PDPN, MARA, MEDEC dan juga Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit, Kementerian Pertahanan.

- (b) Semenjak tahun 1981 hingga tahun 1984, BPMB telah menganjurkan 43 kursus usahawan yang melibatkan jumlah peserta seramai 1,095 orang. MIDF telah menganjurkan sebanyak 6 program dengan jumlah peserta seramai 151 manakala latihan-latihan yang dianjurkan oleh PKEN melibatkan penyertaan seramai 6,079 orang Bumiputera. Latihan-latihan yang dianjurkan oleh PKEN telah melibatkan juga penubuhan sebanyak 55 syarikat-syarikat perintis dalam pembalakan, perlombongan, pemaju perumahan dan perkhidmatan.
- (c) Jenis-jenis bantuan berbentuk kewangan yang diberi oleh BPMB dan MIDF adalah seperti pinjaman untuk membeli harta tetap, modal pusingan, alat-alat jentera, mesin dan lain-lain kemudahan yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan, kernudahan sewa pajak dan sewa logi serta jaminan kredit juga

disediakan oleh BPMB. PKEN-PKEN pula memberi bantuan kewangan dalam bentuk pendahuluan-pendahuluan bagi membiayai modal kerja dan modal pra operasi bagi syarikat-syarikat Bumiputera di samping kemudahan tempat-tempat perniagaan dengan pengurangan kadar sewa atau jualan.

- (2) Bantuan kewangan yang telah dikeluarkan semenjak tahun 1981 hingga 1984 adalah berjumlah \$667.3 juta bagi BPMB dan \$177.7 juta oleh MIDF.
- (3) Kebanyakan usahawan yang terlibat dalam skim pembangunan usahawan yang diberi oleh agensi-agensi di atas adalah mereka yang baru berkecimpung dalam bidang perniagaan maka ada di antaranya yang tidak berjaya. Namun demikian, secara keseluruhan tahap kejayaan mereka adalah menggalakkan di mana mereka berupaya membayar balik pinjaman-pinjaman yang mereka perolehi dari agensi-agensi yang tersebut itu.

PINJAMAN MELANJUTKAN PELAJARAN TINGGI

27. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan positif yang telah dan sedang diambil oleh pihak Kementerian yang berkenaan untuk memungut kembali pinjaman-pinjaman untuk melanjutkan pelajaran tinggi daripada penuntut-penuntut yang telah tamat pembelanjaan dan sudah bekerja.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kementerian Pelajaran tidak ada mengeluarkan pinjaman kepada pelajar-pelajar tajaannya yang melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi di dalam atau di luar negeri. Kementerian Pelajaran hanya menghadihkan biasiswa atau dermasiswa kepada pelajar-pelajar berkenaan dan mereka dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan bagi tempoh sepertimana yang tercatat di dalam surat perjanjian. Sekiranya pelajar didapati melanggar mana-mana syarat perjanjian, mereka dikehendaki membayar balik sejumlah wang yang telah ditentukan.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

28. **Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) hasil lawatan Perdana Menteri ke negeri China; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan menimbang melonggarkan syarat-syarat untuk rakyat Malaysia yang ingin melawat ke Negeri China.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-Haj: Saya mohon izin untuk memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab semasa Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim pada 4hb Disember, 1985.

Saya tidak ada apa-apa tambahan lagi hendak dibuat kepada jawapan tersebut.

ISTILAH MATEMATIK DAN SAINS

29. **Puan Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Pelajaran menyatakan ramai guru-guru menghadapi kesukaran melaksanakan istilah-istilah baru yang dikemukakan oleh Dewan

Bahasa dan Pustaka khususnya bagi mata pelajaran Matematik dan Sains oleh kerana buku-buku teks yang digunakan masih terdapat istilah-istilah lama, mengapakah ini berlaku sedangkan istilah-istilah tersebut disiarkan 2 tahun yang lalu.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Guru-guru sebenarnya tidak mengalami apa-apa masalah dalam menggunakan istilah matematik dan sains yang terdapat dalam buku-buku teks sekarang.

Istilah yang digunakan adalah sebagaimana yang terdapat pada buku-buku istilah terbitan tahun 1980.

Istilah-istilah yang diperkenalkan dua tahun yang lalu itu bukan istilah yang berlainan sama sekali tetapi sekadar merupakan sinonim sematamata.

Masa dua tahun yang diberikan sudah cukup lama untuk guru-guru mempelajari dan menyesuaikan diri dengan sinonim-sinonim tersebut.

Kementerian Pelajaran sentiasa mengikuti perkembangan istilah-istilah baru dan mengarahkan penerbit-penerbit supaya mengemaskinikan istilah-istilah yang digunakan dalam buku-buku mereka. Di samping itu penerbit-penerbit juga mengambil inisiatif sendiri untuk menggantikan istilah-istilah lama kepada yang baru semasa mereka mengemaskinikan dan mempertingkatkan mutu buku mereka. Kementerian Pelajaran juga sentiasa memberitahu sekolah-sekolah tentang penggunaan istilah baru.

PERMIT TEKSI- PENGELUARAN

30. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar** minta Menteri Perusahaan Awam menjelaskan apakah dasar baru Kementerian itu terhadap pengeluaran Permit Teksi. Mengapakah terlalu banyak halangan dan kesukaran yang

dikenakan kepada pemohon-pemohon terutama dari kalangan pemohon yang datang dari luar Kuala Lumpur sedangkan mereka itu adalah merupakan pemohon yang sangat perlu belaka.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Kementerian Perusahaan Awam melalui Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan (LPPJ) mengguna dua dasar atau pendekatan utama berkait dengan pengeluaran permit teksi. Yang pertama ialah, bahawa ada terdapat keperluan perkhidmatan teksi di pengkalan/kawasan yang dipohon, dan yang kedua ialah pemohon benar-benar memerlukan permit yang dipohonkannya.

Keperluan perkhidmatan teksi diukur dari segi bilangan teksi yang sedia terdapat di sesebuah pengkalan atau bagi satu-satu kawasan dan sekiranya bilangan ini difikirkan memadai, maka tiada permit baru yang akan dikeluarkan.

Berkait dengan pemohon, dasar pemilik-pemandu adalah diamalkan, iaitu tuan punya permit hendaklah memandu sendiri teksi yang dipunyainya. Selain daripada itu pemohon hendaklah juga membuktikan bahawa mata pencariannya bergantung semata-mata di atas usahanya memandu teksi dan untuk ini, lamanya tempoh ia memiliki Lesen Memandu Kenderaan Awam (PSV) diambil kira. Keutamaan juga diberi kepada bekas-bekas tentera yang mempunyai syarat-syarat yang saya sebutkan tadi. Pemohon juga di galakkan memohon secara kelompok secara syarikat atau koperasi dengan mengendalikan antara mereka sendiri kenderaan-kenderaan yang mereka milik bersama.

Dengan itu diperhatikan tidak ada halangan dan kesukaran yang dihadapi oleh mana-mana pemohon. Apa yang berlaku ialah pemohon-pemohon tidak dapat penuhi kehendak mereka

semata-mata tiada keperluan untuk teksi atau kereta sewa di tempat-tempat yang berkenaan, ataupun pemohon-pemohon tidak memenuhi syarat-syarat yang ditentukan.

DOKTOR SWASTA-RAWATAN

31. **Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa baru-baru ini Kementerian Kesihatan telah mengusulkan supaya doktor swasta hanya dibenarkan memberi rawatan kepada pesakit sahaja, manakala ubat-ubatnya disediakan oleh farmasi; syor ini amat baik dan memberi menafaat kepada pesakit. Bilakah syor ini akan dilaksanakannya.

Dato' K. Pathmanaban: Saya suka memberitahu Yang Berhormat bahawa syor supaya doktor swasta hanya dibenarkan untuk memberi rawatan sahaja, manakala ubat-ubatnya disediakan oleh ahli farmasi, setakat ini, adalah merupakan satu cadangan sahaja. Rancangan ini akan mengambil masa untuk dilaksanakan dan bukanlah sesuatu yang muktamad. Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan pengasingan tugas ini pada masa sekarang, ataupun dalam satu tempoh masa yang ditetapkan.

Kementerian Kesihatan hanya mengemukakan cadangan supaya badan-badan profesional yang terlibat dapat membincangkan dan membuat penelitian tentang hal ini. Untuk menentukan kejayaan peraturan ini adalah penting untuk para doktor-doktor dan para farmasi-farmasi membuat beberapa penyesuaian yang "significant" dan mewujudkan kerjasama di antara mereka. Kerajaan juga perlu memastikan bahawa perkhidmatan farmasi adalah mencukupi di kawasan-kawasan yang sesuai bagi memudahkan pesakit-pesakit mendapatkan ubat-ubat mereka.

PENYAKIT AIDS

32. **Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Kesihatan menyatakan sehingga sekarang adakah rakyat Malaysia terlibat dengan penyakit AIDS, kalau ada berapa ramai dan sejauh manakah Kementerian ini berusaha mencegahnya.

Dato K. Pathmanaban: Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga hari ini tidak ada orang telah dikesan mengidap penyakit AIDS di Malaysia.

Tindakan pencegahan yang sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan terhadap AIDS adalah seperti berikut:

1. *Pemberitahuan AIDS*

Untuk mengetahui kejadian penyakit AIDS di negara kita, AIDS telah digazetkan sebagai satu penyakit yang wajib diberitahu (a notifiable disease) kepada pihak kesihatan.

2. *Penderma Darah*

Kementerian saya telah mengarahkan semua tabung darah di negara ini supaya tnenolak derma darah daripada golongan yang disyaki terlibat dalam aktiviti homoseksual, penagihan dadah dan pesakit yang mengidap penyakit kelamin.

3. *Kemudahan Makmal Yang Tertentu* serta peralatan dan "reagent" untuk ujian darah bagi mengesan AIDS telah ditempatkan sebagai permulaan di Institut Penyelidikan Perubatan, Kuala Lumpur. Kemudahan ini akan juga diwujudkan di Institusi yang lain daiam Kementerian Kesihatan jika keadaan memerlukannya.

4. *Pemeriksaan (Screening) Contoh Darah Daripada Penderma-penderma Darah dan Golongan Lain Yang Berisiko Tinggi*

Pemeriksaan contoh-contoh darah daripada penderma-penderma darah dan golongan

berisiko tinggi untuk mengesan AIDS telah dimulakan di Institut Penyelidikan Perubatan, Kuala Lumpur. Kajian darah tersebut akan meliputi sejumlah 6,000 contoh darah yang diambil dari bulan Julai hingga Disember, 1985. Lebih kurang 4,000 contoh darah akan diambil daripada penderma-penderma darah dari beberapa tempat di negara ini. Lebih kurang 2,000 contoh darah sedang diambil daripada golongan yang berisiko tinggi, termasuklah penagih dadah yang mengamalkan suntikan (intravenous drug users) dan pesakit-pesakit daripada klinik penyakit kelamin. Sehingga 11hb November, 1985, tidak ada kes AIDS yang dikesan melalui contoh-contoh darah yang diperiksa ini.

5. *Penerangan Berkenaan AIDS*

Kementerian saya telah memulakan satu kempen penerangan berkenaan AIDS dan pencegahannya bagi membangkitkan kesedaran terhadap penyakit ini di kalangan orang ramai amnya dan di kalangan kumpulan yang berisiko tinggi khasnya. Strategi-strategi yang digunakan sehingga ini termasuklah penggunaan media massa dan bahan-bahan penerangan seperti risalah dan poster di dalam Bahasa Malaysia, Inggeris, Cina dan Tamil. Pemberita-pemberita akhbar dan majalah tempatan serta pegawai-pegawai penerangan Kementerian Penerangan telah juga diberikan penerangan berkenaan AIDS. Beberapa ceramah dan forum awam berkenaan AIDS telah juga diadakan dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kesihatan telah mengambil bahagian yang aktif di dalamnya.

6. *Rancangan Kontingensi Untuk Pencegahan Dan Kawalan AIDS* Kementerian Kesihatan telah merumuskan satu rancangan Kontingensi untuk pencegahan dan kawalan AIDS yang menyediakan garis panduan kepada kakitangan kesihatan, hospital, tabung darah dan makmal tentang pengawasan, pencegahan dan kawalan AIDS.
7. *Jawatankuasa AIDS, Kementerian Kesihatan* telah dibentuk dan dianggotai oleh pegawai-pegawai daripada berbagai Bahagian Kementerian Kesihatan. Tujuannya ialah untuk merancang, menyelaras dan menilai pengawasan, pencegahan dan kawalan AIDS di negara ini.
8. *Latihan Kakitangan Perubatan dan Kesihatan* di dalam diagnosa dan aspek-aspek lain penyakit AIDS telah juga dimulakan di seluruh negara. Seorang Ahli Kajikuman telah pun dihantar ke Australia untuk mempelajari dengan lebih mendalam cara-cara memeriksa darah untuk mengesan kuman AIDS.
9. *Perhubungan dan Perbincangan (Consultation)* dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO); Pusat Kawalan Penyakit (CDC) di Atlanta, Amerika Syarikat; Makmal Bersekutu Who untuk AIDS di Australia, dan negara-negara jiran telah dibuat untuk bertukar maklumat dan mendapatkan kerjasama berkenaan AIDS,

NELAYAN MALAYSIA- THAILAND-KERJASAMA

33. **Tuan Harun bin Hassan** minta Menteri Pertanian menyatakan, apakah sebab sebenar nelayan negeri ini tidak bersetuju untuk mengadakan rancangan usahasama menangkap ikan

dengan nelayan-nelayan Thailand. Apakah untung atau ruginya kepada nelayan tempatan sekiranya rancangan usahasama itu diwujudkan.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:

Nelayan-nelayan negeri ini tidak bersetuju untuk mengadakan rancangan usahasama menangkap ikan dengan nelayan-nelayan Thailand oleh kerana nelayan-nelayan tempatan mengkhawatiri kegiatan pencerobohan perairan Malaysia oleh nelayan-nelayan asing akan bertambah lagi. Selain daripada itu nelayan-nelayan tempatan juga tidak memahami, konsep, rasional dan faedah-faedah yang akan dinikmati dengan adanya rancangan usahasama menangkap ikan dengan nelayan-nelayan Thailand. Melalui perjanjian tersebut Kerajaan Thailand dikehendaki mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membenteraskan kegiatan pencerobohan perairan Malaysia oleh nelayan Thai. Dengan itu, nelayan-nelayan tempatan tidak perlu bimbang mengenai pencerobohan perairan Malaysia oleh nelayan Thai lagi. Di antara faedah-faedah lain yang akan dinikmati oleh nelayan-nelayan tempatan ialah:

- (a) Kerajaan Thailand dikehendaki menubuhkan satu tabung untuk membayar ganti rugi kepada nelayan-nelayan tempatan atas kehilangan atau kerosakan alat-alat menangkap ikan dan kecurian hasil-hasil tangkapan ikan oleh nelayan Thailand.
- (b) Perjanjian ini adalah ditandatangani untuk satu tempoh yang tertentu sahaja. Dalam tempoh tersebut, nelayan-nelayan tempatan akan dapat mempelajari daripada nelayan-nelayan Thai mengenai penangkapan ikan di laut dalam. Perkara-perkara yang akan dipelajari adalah dari segi teknologi, penangkapan ikan

dengan menggunakan bot-bot, pukuk-pukuk dan alat-alat yang lebih besar dan moden. Selepas tempoh perjanjian tersebut, nelayan-nelayan tempatan akan mengusahakan kegiatan ini tanpa bantuan daripada nelayan Thai.

- (c) Nelayan-nelayan dan pengusaha-pengusaha tempatan akan mendapat keyakinan bahawa perusahaan laut dalam itu jika dijalankan dengan baik boleh menguntungkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1986

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (10hb Disember, 1985).

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim menyambung ucapannya.

3.37 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan oleh kerana mengizinkan saya menyokong ucapan saya semalam.

Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun universiti sebagai pusat ilmu dan para pensyarah sebagai ahli ilmu sudah merosot nilainya, keadaan ini masih boleh diperbaiki. Apa yang diperlukan sekarang ialah kepentingan, keselesaan dan kemudahan bagi golongan pensyarah hendaklah ditingkatkan. Kerajaan perlu mengiktiraf sumbangan yang boleh diberi oleh golongan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar perkhidmatan Kementerian Pelajaran meliputi kemajuan manusia atau sumber tenaga kerja. Ia adalah pelaburan ke atas manusia dan sekiranya mereka mahir di dalam kejuruteraan, perubatan, perundangan atau pembelajaran, ini semua meningkatkan keupayaan penerimaannya meningkatkan pengeluaran negara di samping menambahkan pendapatan mereka. Masyarakat keseluruhannya untung dari pertambahan daya pengeluaran sesuatu barangan, dan perkhidmatan untuk digunakan atau diwujudkan sesuatu yang sebelum itu ada seperti komputer atau jenis padi baru.

Oleh itu, Kementerian Pelajaran perlu memberi perhatian yang sepenuhnya kepada para pelajar kita terutama pelajar yang ada di luar negeri. Malangnya sebilangan besar pelajar kita di luar negeri merungut bahawa mereka bukan sahaja kurang mendapat bantuan, tetapi diabaikan. Inilah salah satu sebab yang telah memalukan kita apabila seorang pelajar dari Malaysia di Australia dihalau oleh Kerajaan negara itu. Pelajar tersebut telah ditahan oleh Polis sebagai pendatang haram atau bukan warganegara yang visanya telah tamat. Ketika pelajar itu dibawa ke lapangan terbang, dihalau keluar, dia ditahan dalam bilik tahanan seperti seorang penjenayah.

Saya katakan ini kerana pada waktu itu saya berada di sana dan dapat melihat dari kaca TV bagaimana beliau digari dan ditolak dengan kasar ke dalam van Polis Australia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dari kajian awal saya, pelajar Ahmad Othman telah ke Australia untuk membuat matrikulasi atas biasiswa PETRONAS pada 10-9-1980. Dia berjaya dalam matrikulasinya dan kemudian memasuki Universiti of New South Wales. Dia gagal dalam

tahun pertama di universiti tersebut. Dia mengulangi tahun itu, tetapi gagal lagi.

Pada tahun 1983 PETRONAS mengumumkan pemberhentian biasiswanya dan menghantar tiket kapal terbang supaya pulang. Bagaimanapun, Ahmad meneruskan pengajian di New England University dengan biayaan sendiri. Mengikut laporan akhbar tempatan di universiti yang baru ini, Professornya berkata pengajiannya adalah memuaskan.

Apa yang menjadi pertanyaan ialah mengapa kekecohan sehingga segolongan pelajar kita terpaksa berdemonstrasi di lapangan terbang di Australia, membantah pelajar yang malang itu dihalau keluar. Adakah Jabatan yang mengurus Pelajar Malaysia di sana tidak mengetahui langsung perkara ini. Tidakkah Kedutaan kita di Australia dapat membuat sesuatu untuk menyelesaikan perkara ini dengan baik dan memuaskan supaya maruah bangsa dan rakyat kita tidak berhina sedemikian rupa?

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan Jabatan Pelajaran Malaysia salah satu tugas pegawai di Jabatan itu di luar negeri ialah menyediakan perkhidmatan yang boleh meningkatkan mutu kehidupan semua pelajar Malaysia dan membantu serta melihat kebajikan mereka.

Di bahagian lain pula peraturan ini menggariskan tugas-tugas pegawai berkenaan yang juga meliputi menyediakan maklumat kepada pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri, termasuk maklumat terhadap kerja-kerja akademik, penempatan, counselling, kebajikan dan menganjurkan aktiviti-aktiviti pelajar Malaysia.

Ramai pelajar Malaysia di luar negeri mendakwa pegawai-pegawai di Jabatan Penuntut Malaysia, dan wakil-wakil dari Jabatan dan agensi Kerajaan

yang lain seperti Kementerian Pelajaran, MARA dan Jabatan Perkhidmatan Awam, adalah kurang kerja sementara mereka dibayar gaji lebih. Oleh itu, saya mengesyorkan Kementerian Peajaran mula memberi perhatian kepada masalah ini memandangkan bilangan pelajar kita di luar negeri adalah besar.

Di Amerika terdapat 24,000 pelajar, di Britain 18,000 pelajar, di Australia 2,000, di India ada 1,500 pelajar dan di Indonesia 1,000 pelajar. Tanpa bantuan dan perkhidmatan yang memuaskan daripada Kerajaan berbagai perkara yang tidak diinginkan boleh berlaku. Para pelajar mungkin boleh memandang rendah terhadap Kerajaan, ibu bapa mula hilang kepercayaan ke atas badan-badan Kerajaan yang menghantar anak-anak mereka keluar negeri dan anasir-anasir jahat mudah mengeruhkan lagi keadaan.

Kementerian Pelajaran patut melakukan sesuatu untuk mempertingkatkan mutu kerja pegawai-pegawai di Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri. Jumlah para pegawai di pejabat ini juga hendaklah ditingkatkan memandangkan 9 orang pegawai sahaja di Amerika untuk berkhidmat kepada 24,000 pelajar di sana, sementara terdapat 5 orang pegawai untuk menyediakan perkhidmatan kepada 18,000 orang pelajar di Britain.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula menyentuh sebahagian dari pengawasan serta tanggungjawab di bawah Kementerian Dalam Negeri. Isu yang ingin saya membawa di Dewan yang mulia ini adalah bukan perkara baru, tetapi saya membawa dari sudut yang berlainan.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa ketika ini adalah dianggarkan tidak kurang dari 500,000 belia negara ini telah terjebak dengan ketagihan dadah. Perkara dadah cukup banyak dapat kita dengar dan baca

melalui mass media dan berbagai-bagai surat khabar yang menyatakan di atas aktiviti yang negatif ini kepada rakyat, tetapi bayangkan sahaja jika purata seorang penagih dadah dengan angka konservatif, membelanjakan \$5 sehari untuk mengambil dadah, ini bererti tidak kurang dari \$2.5 juta sehari nilai pasar gelap dadah di negara ini. Tidak hairanlah hampir setiap orang kita membaca kesalahan jenayah dadah dilakukan oleh belia kita di akhbar-akhbar tempatan. Apa yang memeranjatkan lagi ialah lebih 90% bekas penagih dadah di negara ini kembali mengambil dadah selepas beberapa bulan kembali ke pangkuan masyarakat. Inilah isu yang ingin saya bawa di Dewan yang mulia ini iaitu kegagalan program-program rawatan di pusat-pusat pemulihan dadah. Mengikut kajian saya terdapat kurang pakar-pakar yang mengelolakan program-program tersebut. Pusat-pusat pemulihan di negara ini amat berkurangan, pakar-pakar counselling yang berkelulusan seperti pakar sosiologi dan psikologi.

Seperkara lagi ialah masa yang ditetapkan bagi mendapatkan rawatan adalah terlalu singkat. Ini menyebabkan penghuni-penghuni di sesuatu pusat pemulihan itu sukar mendapat kemahiran yang lengkap untuk menyediakan, mencari pekerjaan kelak.

Satu lagi faktor utama kegagalan program-program rawatan ini ialah latihan-latihan kemahiran yang diadakan juga adalah bermutu rendah, umpamanya mekanik dan pertukangan tangan. Bagi latihan-latihan ini ia dikendalikan dengan kemudahan-kemudahan yang paling minima dan jarang sekali memenuhi keperluan perindustrian.

Selain daripada itu badan-badan pertubuhan atau perniagaan kurang digalakkan untuk membentuk sesuatu program yang boleh menerima bekas-bekas penagih dadah tersebut apabila

mereka keluar kelak. Tanpa motivasi pegangan agama yang kuat serta penerimaan masyarakat, tidak hairan hampir semua bekas penagih dadah ini kembali menagih dadah.

Seperkara lagi, strategi penerangan untuk menyedarkan masyarakat tentang bahaya dadah juga banyak kelemahannya. Kita membuat program-program kesedaran tanpa mempunyai strategi yang khusus terhadap sasaran dan penyampaian maklumat yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, selagi kita tidak lebih tegas dan mengambil kira faktor-faktor yang saya nyatakan tadi, selagi itu penyalahgunaan dadah akan menjejaskan ekonomi negara, pembangunan sosio-ekonomi, susunan keluarga dan sosial. Kita perlu mengambil langkah mengatasi ancaman ini kerana ia dalam jangka panjang boleh melemahkan ketahanan negara yang kemudian mudah diresapi oleh anasir-anasir untuk melumpuhkan ekonomi dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan di antara tumpuan yang perlu diambil di pusat pemulihan dadah ialah lebih ramai pakar-pakar kaunseling diadakan. Latihan-latihan kemahiran setanding dengan bimbingan untuk mewujudkan usahawan patut juga diwujudkan juga. Syarikat-syarikat perniagaan di sektor swasta hendaklah diberi insentif yang boleh menggalakkan mereka memberi peluang pekerjaan kepada bekas-bekas penagih dadah. Ini adalah selaras dengan kajian yang menunjukkan bahawa sebilangan besar dari penagih dadah adalah terdiri dari belia yang menganggur dan buruh kasar di bandar-bandar.

Dalam membentuk strategi, penerangan dan kesedaran, Kerajaan perlu mengambil kira tiga golongan sasaran, iaitu penagih dadah, bakal penagih dadah yang mungkin terdiri dari pelajar-pelajar dan ibu bapa. Strategi-strategi penerangan dan

kesedaran perlu dibentuk terhadap setiap golongan sasaran ini. Contohnya, bagi golongan penagih dadah, strategi tersebut harus mencerminkan bahaya dadah dan mengapa seseorang itu perlu mendapatkan rawatan. Bagi golongan pelajar-pelajar yang berpotensi menjadi penagih dadah pula, strateginya bagaimana mereka patut mengelakkan diri dari menyalahgunakan dadah dan cara-cara baik mengisi masa lapang mereka.

Bagi sasaran terhadap ibu bapa, ialah mengenai bahaya dadah dan cara-cara yang boleh meningkatkan masa untuk memberi perhatian terhadap anak-anak mereka, awalaupun ini sudah banyak kali diterangkan di mana-mana sahaja. Cara-cara untuk melaksanakan strategi yang baru saya cadangkan ini seperti pemilihan saluran penyampaian maklumat hendaklah dengan sokongan atau kerjasama dari pakar-pakar mesti ada backingnya, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa program-program rawatan di pusat pemulihan dadah di negara ini adalah salah satu yang terbaik di dunia. Tetapi apa yang diharapkan ialah tahap keberkesannya masih boleh dipertingkatkan. Inilah penekanan yang patut diberi oleh pihak Kerajaan dan orang ramai umumnya. Di samping itu juga, penglibatan dan kerjasama dari badan-badan sukarela yang lain seperti pertubuhan belia dan kelab-kelab amal hendaklah dilibatkan terus dalam usaha membimbing bekas penagih dadah kembali ke pangkuan masyarakat. Beberapa orang kaunselor yang terdiri dari pemimpin-pemimpin pertubuhan tersebut hendaklah dilatih oleh Kerajaan dalam membantu usaha Kerajaan membanteras penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh kedudukan PUSAKABUMI, sebuah agensi

Kerajaan yang mana di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri. Sebelum saya meneruskan, saya ingin memberi sedikit sebanyak sejarahnya wujudnya PUSAKABUMI. PUSAKABUMI lahir selepas keputusan Kongres Bumiputera tahun 1980. Resolusi yang diluluskan dan diterima oleh Kerajaan adalah berbunyi:

"Menggesa Kerajaan menubuhkan satu agensi pusat yang benar-benar mempunyai kapasiti dalam semua aspek pemborongan dan binaan, termasuk menjadi penjamin serta mengawal segala urusan pendaftaran dan tawaran hingga ke akhir projek yang diselenggarakan oleh pemborong bumiputera".

Lahirnya resolusi ini adalah dengan sebab beberapa komplek ataupun beberapa dakwaan yang mengatakan pemborong-pemborong bumiputera banyak yang menggagalkan projek-projek, oleh kerana di waktu itu Persatuan Pemborong Bumiputera tidak dapat menjawab dengan tepat oleh kerana tidak ada satu agensi yang boleh dapat membawa satu kayu ukuran untuk menentukan kegagalan dari segi mana, kejayaannya dari segi mana untuk diperbaiki, di mana area-area yang perlu diperbaiki. Dari situ, maka timbullah satu cadangan untuk dibawa satu daripada resolusi di dalam Kongres Bumiputera tahun 1980, iaitu satu central agency. Apabila sudah ada satu central agency itu, maka di situ apa juga didapati nanti jawapannya tentulah membina dan positif.

Misalannya, melalui agensi itu jika seorang pemborong selepas mendapat tawaran selama 28 hari tetap mengambil "site" atau mengambil tapak dan di waktu itulah dia mohon minta pinjaman bank, selepas itu dia menjalankan kerja dan di waktu itulah dia mula membayar pekerjanya selepas 14 hari dan akan membayar kredit barang-barang binaan, hutang semuanya dalam tempoh, katakan 30 hari dan dia masih lagi belum dapat

menerima wang pinjaman yang mana dia sanggup me"assign"kan, dengan izin, projeknya kepada bank. Selepas tunggu beberapa lama tidak juga dapat, mungkin melalui pegawai-pegawai dalam central agency itu nanti boleh membuat semakan di bank menanya apa terjadi kepada pemohon si A, kalau bank menjawab mengatakan latarbelakang pemborong yang memohon itu buruk, maka inilah pemborong yang kita mahu keluarkan daripada senarai pemborong, maknanya jawapannya begitu membina dan positif. Inilah kelemahannya. Tetapi kalau bank tidak dapat menjawab, tetapi permohonan sudah berjalan selama 5 bulan masih lagi belum dapat jawapan, itu menunjukkan ada penyelewengan di dalam bank. Itu pun positif jawabnya, dan seterusnya kelemahan-kelemahan lain dapat dikesan melalui central agency.

Tetapi yang sedihnya hari ini apa sudah jadi kepada agensi yang kita minta itu. Agensi yang kita minta itu dinamakan PUSAKABUMI. PUSAKABUMI yang hari ini hanya boleh dibenarkan melaksanakan pendaftaran pusat, mengiktirafan bumiputera, pusat rujukan, khidmat nasihat. Kalau dipandang apa yang diluluskan di Kongres Bumiputera, bukan sahaja pendaftaran pusat dan pembahagian kerja, pembatalan-pembatalan kontraktor, memupuk dan membimbing ke arah mewujudkan kontraktor elit bumiputera, melaksanakan sistem tawaran perundingan, seterusnya pengawasan projek. Apa pula yang diluluskan di Kongres yang diterima oleh Kerajaan dalam tahun 1980 tidak ada satu pertiga pun yang dapat diwujudkan di dalam PUSAKABUMI hari ini. Pemborong-pemborong bumiputera seluruh Malaysia, termasuk bukan bumiputera mula berasa khuatir. Agensi ini akan terus lemah dan akan tidak berdaya untuk mengisi keperluan-keperluan yang dikehendaki.

Dari itu, saya menyeru pihak Kerajaan dalam soal ini kita mestilah bersikap tegas untuk benar-benar mengkaji di manakah kelemahan PUSAKABUMI dan diperbaiki dengan segera kerana selepas beberapa tahun PUSAKABUMI wujud kita masih lagi menyoal soal-soal pokok. Ini sangat menyedihkan sekali. Ditambah lagi ada satu gerakan yang begitu subtle ataupun begitu licin iaitu dengan membanyakkan lagi unit-unit bumiputera daripada Kementerian-kementerian lain dan unit-unit ini dibesarkan ke seluruh negara. Dengan cara begini maka fungsi PUSAKABUMI terus menjadi lemah dan tidak lama lagi akan menjadi mati.

Soalnya sekarang hanya PUSAKABUMI mempunyai kuasa mendaftar. Soal kerja tidak ada di tangan PUSAKABUMI dan banyak soal-soal lain tidak diberi kuasa kepada PUSAKABUMI. Peruntukan yang diminta untuk menambah kakitangan dan peruntukan diminta dari saluran iaitu daripada Treasury dan JPA yang mana hendak menambahkan pegawai-pegawai tetapi ada kementerian-kementerian lain juga meminta pegawai yang mempunyai status yang sama, yang ini membuatkan duplikasi ataupun kata orang co-operation without coordination, dengan izin, Kerjasama tanpa berkordinasi. Ini tak ubah seperti si Mamat dengan seluar panjang, yang mana si Mamat membeli seluar panjang terpanjang. Suruh emaknya potong, emaknya kata, nanti. Suruh kakaknya potong, kakaknya kata, nanti, bila dia ada masa. Akhirnya, tiga, empat orang kata nanti, si Mamat pun tertidur. Apabila masa mereka lapang sampai, masing-masing mula memotong. Akhirnya seluar panjang itu menjadi seluar kontot. Semua hendak menolong tetapi tak diselaraskan dengan betul. Akhirnya yang menjadi mangsa pemborong-pemborong bumiputera dan orang-orang yang benar-benar

hendak menunjukkan sekian-sekian masa kita tidak mahu lagi identiti bumiputera.

Kita mahu kita mempunyai kebolehan dan kemampuan untuk membuat sesuatu tanpa menggunakan label bumiputera. Kita juga manusia yang irigin maju dan ingin menjadi seorang usahawan yang berjaya tanpa menggunakan label bumiputera, tetapi kalau inilah caranya, sampai bila pun tidak berjaya jika di sebelah tangan kita kata menolong, sebelah kiri kita memotong. Apa bendanya ini! Jadi, di sini saya menyeru kepada Kerajaan lebih baik lekas bertindak sebelum kemarahan dalang daripada orang ramai kerana saya secara kebetulan adalah seorang Presiden Persatuan Pemborong yang mana pemborong seluruh negara sudah mulai marah dan marah itu saya tidak tahu sejauh mana yang boleh ditampung.

Di sini saya menyeru, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada pihak Kerajaan tolong mengambil perkara ini dengan begitu serius kerana sudah puas cerita ini dimuatkan dalam surat khabar, sudah puas kita bercakap dalam Dewan yang murni ini dan tidak puas-puas kita berdialog kepada Menteri-menteri tetapi kita tinggal di takuk lama jua.

Dengan ini, akhir sekali, saya amat berharap agar pandangan-pandangan yang telah saya kemukakan tadi dan semalam mendapat perhatian dari Kementerian-kementerian yang berkenaan dan dengan ini saya menyokong penuh pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 1986. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan M. G. Pandithan.

4.04 ptg.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1986.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan, Yang Berhormat Encik Daim Zainuddin, ke atas pembentangan satu Budget, dengan izin, yang baik.

Budget ini tidak bertujuan untuk memancing undi dalam pilihanraya yang akan datang, sebaliknya beliau mementingkan keperluan rakyat. Ia bertujuan untuk mengurangkan penderitaan rakyat akibat kemelesetan ekonomi antarabangsa. Kerajaan kita adalah untuk rakyat dan oleh rakyat. Apa-apa lindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah demi kebaikan dan kebajikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang istimewa, kaya dan makmur. Tanahnya siibur, malah jika anda membuang sahaja biji betek, anda boleh lihat anak pokok keesokan harinya. Anda tidak perlu menyiram air atau menjaga dengan rapi. Anda boleh mencari rezeki dengan hanya menjual buah betik tetapi apa yang anda perlu ialah tanah, tanah untuk bercucuk tanam.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tun Abdul Razak memperkenalkan Revolusi Hijau supaya beribu-ribu hektar tanah yang terbiar termasuk tanah sawah dapat diusahakan untuk penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran sebagai satu cara menghapuskan kemiskinan. Lantaran itu, Kerajaan melalui Kementerian Pertanian haruslah memperuntukkan wang yang lebih untuk mencruskan Revolusi Hijau itu.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan wujud di kalangan masyarakat kita tak kira Melayu, Cina atau India. Kesemua mereka adalah rakyat Malaysia dan telah menjadikan negara ini sebagai tanahair mereka. Oleh itu, sesiapa yang miskin perlulah diberi bantuan. Kaum Melayu yang tinggal di kampung, kampung India di estet dan kaum Cina di kampung baru semua

menghadapi masalah hidup, Kerajaan haruslah membantu mereka ini membasmi kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan masalah penduduk estet yang kebanyakan adalah kaum India. Walau bagaimanapun terdapat juga pekerja Melayu dan Cina. Kita selalu beranggapan bahawa pekerja estet adalah orang India belaka.

Tuan Yang di-Pertua, pada zaman yang moden ini masih wujud keadaan hidup yang kurang selesa, khususnya di estet-estet. Kemudahan asas masih tidak dapat dibekalkan. Kekurangan seperti api dan air, selain daripada sekolah dan sebagainya masih wujud. Adakah patut bahawa penduduk estet yang telah menyumbangkan terhadap perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara kita tidak diberi layanan yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian di Selancar IV jelas membuktikan kesengsaraan hidup pekerja estet. Kita tidak inginkan kejadian yang sebegitu berulang semula sebab Selancar IV ialah, dengan izin, a hell in heavenly Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tidak bolehkah Kerajaan merancang sesuatu untuk memperbaiki keadaan mereka. Inilah masanya untuk merangkakan undang-undang baru untuk membaharui haluan hidup pekerja estet.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tun Abdul Razak menghargai sumbangan pekerja estet dan Kerajaan beliau pun menunjukkan penghargaannya melalui berbagai cara. Misalnya mengadakan satu skim pinjaman bagi golongan pendapatan rendah, revolving fund, dengan izin. \$10 juta dalam program pemilikan rumah khasnya untuk pekerja estet, lombong dan golongan pendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, kini Kerajaan haruslah memperuntukkan wang yang lebih, misalnya \$100 juta untuk melaksanakan program ini semoga impian Allahyarham Tun Abdul Razak itu menjadi kenyataan.

Di samping itu, Kementerian Pelajaran juga boleh memperuntukkan wang yang lebih untuk memperbaiki bangunan sekolah-sekolah di estet yang kini menyerupai kandang lembu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah satu dosa yang besar sekiranya kanak-kanak tidak diberi pendidikan yang sempurna. Tidak kira dari mana mereka datang, adalah menjadi tugas Kerajaan untuk memheri pendidikan yang sempurna kepada semua kanak-kanak Malaysia tanpa mengira kaum, bangsa atau agama.

Tuan Yang di-Pertua, persekolahan haruslah diwajibkan. Satu undang-undang haruslah dirangka bagi mendenda ibu bapa yang tidak menghantar anak mereka ke sekolah. Kementerian Pelajaran juga harus menyediakan peluang untuk pelajar melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat universiti dengan membina lebih banyak institusi pengajian tinggi. Universiti-universiti yang ada sekarang adalah terhad dan tidak dapat memenuhi keperluan ramai. Akibatnya setengah calon yang berkecukupan tidak dapat melanjutkan pelajaran khususnya calon-calon yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, ramai ibu bapa menghantar anak-anak mereka keluar negeri di samping membelanjakan beribu-ribu ringgit. Pelajar yang pergi ke seberang laut itu terpengaruh dengan kebudayaan barat yang membawa kesan buruk terhadap kebudayaan negara kita. Sudah sampai masanya untuk Kerajaan bertindak menghapuskan kejadian ini.

Tuan Yang di-Pertua, bapa Malaysia kita Yang Amat Berhormat Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ada

menegaskan bahawa Kerajaan tidak harus menggalakkan pelajar-pelajar kita melanjutkan pelajaran di beberapa buah negara. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Kementerian Pelajaran hams menumbangkan pendapat beliau itu.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk merancang sesuatu yang memungkinkan rakyat Malaysia khususnya mereka yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah. Dengan mengadakan tabung khas, Kementerian ini dapat menolong Kerajaan Negeri mencapai mattamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak wajar disediakan jalan raya yang besar-besar, jambatan-jambatan yang besar, projek-projek mewah dan sebagainya, sekiranya rakyat tidak diberi kemudahan yang amat perlu seperti tempat tinggal.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan harus cuba menyediakan sekurang-kurangnya sebuah rumah untuk seisi keluarga. Golongan yang berpendapatan rendah mengalami kesulitan memiliki rumah di sekitar Wilayah Persekutuan kerana harga rumah adalah terlalu tinggi. Mereka tidak dapat membeli rumah di negeri-negeri lain kerana Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada anak-anak negeri. Oleh itu, Kerajaan haruslah membantu mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan sukan di negara kita pada masa ini amat menyedihkan, dengan izin, "gone to the drain". Kerajaan mestilah mengambil langkah-langkah, yang positif untuk memulih keadaan dan seterusnya meningkatkan taraf sukan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita pernah menjadi juara dunia Badminton. Kita juga terkenal dalam Bolasepak dan Olahraga. Kalau kita perhatikan

negara kita memang aktif dalam sukan sebelum Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dibentuk. Tetapi selepas pembentukan Kementerian ini, taraf sukan merosot. Bagaimanakah ini terjadi, apa dan mengapa keadaan ini berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian berkenaan haruslah menyelidik dan cuba memperbaiki keadaan ini. Kementerian juga harus membelanjakan lebih banyak wang untuk membina kompleks sukan. Kementerian juga harus menyediakan kemudahan dan ppsat riadhah di kawasan perumahan, kampung-kampung, estet-estet dan semua sekolah. Mungkin sukan profesional adalah satu jawapan kepada kemerosotan taraf sukan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Masyarakat patut mengadakan lebih banyak tabung kewangan bagi membantu orang miskin terutamanya janda-janda dan anak-anak mereka yang mana setengah daripada mereka meminta sedekah akibat desakan hidup. Kerajaan haruslah membantu mereka dengan memberi bantuan kewangan. Kementerian Kebajikan Masyarakat juga boleh memberi elaun kepada orang-orang tua yang tinggal bersama anak-anak mereka. Kerajaan juga boleh mengadakan pengurangan cukai kepada mereka yang menanggung perbelanjaan ibu bapa mereka yang sudah tua.

Jadi, dengan kata-kata saya ini, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tidak mempunyai banyak masa lagi. Kita beredar-edar. Tuan Haji dahulu.

4.28 ptg.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah dan terima kasih di

atas keizinan Tuan Yang di-Pertua, untuk saya bersama-sama berucap dan membahaskan satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perbekalan bagi tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, marilah sama-sama kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t., Tuhan yang telah mengurniakan kepada kita yang berada di dalam negara Malaysia ini beberapa nikmat yang tidak dapat dihitungkan dan dibilang iaitulah nikmat keamanan, kemakmuran dan keadilan yang mana nikmat ini bukan semua negara dalam dunia ini dapat dirasai. Bahkan setengah negara, kedudukannya tidak aman walaupun mereka kaya-raya seperti negara saudara kita Iran, Iraq dan setengahnya yang tidak makmur seperti negara sebelah Afrika, Habshah, setengahnya terpaksa berjuang untuk mempertahankan tanahair dan negara secara bermati-matian seperti saudara kita di Afghanistan dan setengah sehingga tidak ada negeri langsung untuk buat masa sekarang seperti saudara kita daripada Palestin. Dan bermacam-macam lagi yang berlaku di seluruh dunia. Tetapi alhamdulillah, negara kita sungguhpun dunia dalam keadaan kemelesetan ekonomi, negara kita dapat lagi duduk dalam keadaan aman, makmur yang dapat kita menunaikan tanggungjawab kita masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada semua penduduk yang berada di Malaysia, khasnya orang-orang Islam hendaklah bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wa taala, Tuhan yang menciptakan alam dan yang telah mengurniakan segala nikmat yang ada dan lagi yang akan ada. Sebab dari kesyukuran itu adalah satu sebab daripada menambah dan dapat kita mempertahankan kemelesetan yang ada sekarang, bahkan insya Allah kalau semua penduduk kita yang berada di dalam negara kita ini

bersyukur ke hadrat Allah s.w.t., Allah telah memberikan jaminan dan akan memberikan pertambahan nikmat kepada kita sebagaimana yang dijanjikan oleh Allah dalam Al-Quran. Maksudnya: Demi jika kamu sekalian menerima kasih, bersyukur akan Daku di atas nikmat-nikmat yang telah Aku kurniakan kepada kamu, sesungguhnya Aku akan tambahkan kepada kamu lagi nikmatKu, tetapi demi jika kamu engkar, tidak bersyukur di atas nikmatKu, bahawasanya siksa aku kamu tidak dapat tanggung, amat pedih sekali.

Jadi dari sinilah, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menghuraikan secara panjang sedikit di dalam masalah kesyukuran ini iaitu kesyukuran itu terbahagi kepada tiga.

Pertama, dipanggil syukur dengan lisan, syukur dengan lidah. Ertinya setiap orang Islam mesti dia kena mengucap alhamdulillah. Kalau dia dapat meminum air sejuk setengah sekalipun terpaksa dia dituntut berkata alhamdulillah.

Kedua, di dalam hatinya mesti dia ingat bahawasanya nikmat itu adalah datangnya daripada Allah.

Ketiga, ialah kesyukuran dengan perbuatan. Ertinya, tiap-tiap orang yang menerima nikmat, yang mendapat nikmat sama ada nikmat yang berupa ilmu pengetahuan, ataupun nikmat yang berupa akal fikiran, harta benda ataupun pangkat, mestilah digunakan akan nikmat-nikmat itu pada tempatnya yang disuruh guna dan kena pada tempatnya, tidak boleh kita gunakan dengan sewenang-wenang kehendak kita. Itulah baru menepati kita seseorang yang sungguh-sungguh bersyukur ke hadrat Allah s.w.t.

Jadi kalaulah seperti itu, insya Allah, Tuan Yang di-Pertua, Allah tetap berjanji akan menambahkan nikmat kepada kita. Jadi inilah satu daripada sebab, selain daripada ikhtiar, usaha

kita untuk hendak mempertahankan kemelesetan ekonomi dunia ini, mestilah rakyat bersyukur ke hadirat Allah s.w.t., insya Allah kita akan dapat duduk di dalam makmur dan keadilan, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti berterima kasih kepada Kerajaan kita yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kita kasihi, yang mana sungguh-sungguh berusaha bagi mendapat dan mengekalkan keamanan dan kemakmuran negara supaya ke semua lapisan masyarakat majmuk dapat hidup dengan secara selesa dan dapat memperabdikan diri masing-masing terhadap agama, negara dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita pada 25hb Oktober, 1985, baru-baru ini adalah sejumlah wang milik negara yang mempunyai milik oleh semua rakyat warganegara Malaysia dan Jemaah Menteri dan Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara juga, umpama kita sekalian adalah pemegang amanah sebagai pelulus dan yang menetapkan peruntukan bagi tiap-tiap Kementerian dan kakitangan awam daripada setinggi-tinggi sehingga ke serendah-rendah pegawai ialah pemegang amanah untuk menjalankan yang mana tiap bahagian apa yang dipertanggungjawabkan kepada hak masing-masing.

Dan, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti ingat kesemuanya itu akan disoal, akan ditanya ke atas tiap-tiap seorang pemegang amanah itu, sama ada pihak Jemaah Menteri ataupun Ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli Dewan Negara ataupun segala pegawai daripada setinggi-tinggi pangkat sehingga serendah-rendahnya, akan disoal, akan ditanya di atas perbuatan dan penggunaan wang yang kita akan luluskan dalam Dewan kita yang mulia

ini, sebagaimana yang dikehendaki, yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita untuk kita membelanjakan pada tahun 1986 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum, soalan itu kepada orang-orang Islam, sama ada sekarang di dunia ini, juga di alam akhirat nanti akan disoal sebab kita berdasarkan kepada dua hakikat. Pertama, berdasarkan suatu ayat Al-Quran, Tuhan berfirman yang bermaksud:

Kemudian hari kelak akan disoal, akan ditanya akan kamu pada hari kiamat kelak di atas segala nikmat-nikmat yang Aku kurniakan kepada kamu.

Kedua, kerana berdasarkan kepada Hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

Sekalian kamu adalah pemimpin, tiap-tiap pemimpin akan disoal daripada orang yang dipimpinya.

Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah satu perkara yang mesti sama-sama kita menginsafi di dalam kedudukan kewangan negara yang kita akan luluskan ini adalah satu tanggungjawab kepada semua lapisan yang diamanahkan oleh negara kepada kita sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada Jabatan Perdana Menteri iaitu kita berasa bangga dan sungguh-sungguh berterima kasih di atas slogan yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita iaitu penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara.

Ini adalah amat bernilai ertinya kepada sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kakitangan awam daripada segala pegawai-pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana hubungan hukum syarak dengan masoleh bani insan, dengan izin, yakni

dengan muslihat manusia dan dengan muslihat yang diambil kira iaitulah muslihat ialah perkara kebaikan dan manfaat untuk manusia lawannya mafsadah iaitu perkara kerosakan kepada manusia.

Tuan Yang di-Pertua, almasoleh atau perkara kebaikan kepada manusia adalah hak asasi yang semestinya dimiliki oleh setiap orang manusia dalam hal menjalani bahtera hidupnya dan sekiranya masoleh ertinya perkara-perkara kebaikan itu tidak ada, maka datanglah kerosakan mafasik ertinya kerosakan untuk menggantikan tempat itu dan apakala begitu maka keadaan manusia jadi berlawanan dengan kehendak sifatnya sebagai makhluk yang istimewa.

Tuan Yang di-Pertua, syariat itu ialah undang-undang, syariat itu ertinya undang-undang itu berlainan sedikit-sebanyak antara satu dengan yang lain tentang perkara cawangannya iaitu mengenai cara berfikir dan cara hidupnya memang berlainan antara satu kaum dengan kaum yang lain dalam setiap masa. Hal ini pada hemat saya adalah untuk menyempurnakan tujuan mendatangkan masoleh perkara manfaat kepada manusia. Dengan itu mungkin ternyata bahawa di antara syariat agama Allah dengan masoleh bani insan dengan kemanfaatan anak-anak Adam manusia adalah ada kaitan rapat yang tidak dapat dipisahkan. Sekiranya dipisahkan maka sudah tentu manusia akan dituntut oleh berbagai-bagai kerosakan dalam bidang hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, muslihat yang diambil kira untuk manusia, oteh kerana makhluk manusia ini ialah teristimewa daripada makhluk-makhluk yang lain, mereka bukan sahaja setakat hidup dalam dunia ini sahaja, malah mereka tidak dapat tidak akan terus pergi dan akan sampai ke alam baka, alam selepas mati maka masoleh kemanfaatan yang diambil

kira untuk mereka yakni manusia ialah kemanfaatan yang meliputi dalam dunia dan dalam akhirat nanti. Boleh dikatakan bahawa masoleh kemanfaatan dalam dunia dapat difikirkan dan dapat dicapai oleh manusia sendiri, tetapi walau bagaimanapun kemanfaatan di akhirat langsung tidak dapat dicapai oleh manusia dengan fikiran akalanya sendiri dengan sebab itulah maka mereka manusia diutus oleh Allah akan Rasulnya daripada Allah untuk memimpin mereka ke jalan kemanfaatan yang hakikiah yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kehidupan manusia, manusia hidup dengan ada mempunyai berbagai-bagai kehendak, kehendak kepada perkara-perkara dan benda-benda yang menjadi kepentingan dan syarat-syarat bagi hidupnya di bumi serta yang ada padanya adalah dijadikan untuk kegunaan yang mendatangkan faedah, muslihat kepada mereka iaitu dengan mengikut cara penggunaan yang tertentu dan dilarang keras melakukan mafsadah dan angkara dalam bumi Allah ini. Firman Allah, dengan izin, maksudnya: Allah yang menjadikan bagi kamu wahai manusia akan barang di dalam bumi ini sekalian. Ayat yang kedua yang melarang keras manusia membuat angkara di bumi ini, maksudnya: jangan kamu membuat kerosakan dalam bumi kemudian daripada baik.

Maka cara penggunaan yang mendatangkan faedah dan muslihat itu ialah dengan mengembalikan hukum syarak dan menerap nilai-nilai Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu juga akan tercegah atau tersekatnya datangnya kerosakan untuk menakluk kehidupan ummah manusia, di situlah manusia akan mendapat keamanan yang baik selama-lamanya yang diredai oleh Allah s.w.t.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba beralih pula kepada B. 12 Jabatan Perpaduan Negara yang mana diperuntukkan kepadanya lebih daripada \$18 juta. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kewangan yang telah pun memberi peruntukan kepada Jabatan Perpaduan Negara. Oleh kerana perpaduan ini adalah perkara yang amat penting sekali di dalam sesebuah negara yang majmuk seperti negara kita ini, oleh itu saya menyeru kepada semua penduduk yang berada dalam Malaysia ini marilah sama-sama kita insaf, kita sedar bahawasanya kita ini adalah warganegara Malaysia. Kita terpaksa patuh kepada negara Malaysia, tidak ada bumi selain daripada Malaysia, mati hidup, senang susah adalah Malaysia. Kita berharap tidak ada lagi perasaan orang Cina kecinaannya, orang India keindiaannya, orang Melayu begitu juga, kita mahu semuanya rakyat Malaysia.

Apa yang dibuat keputusan oleh pihak Kerajaan semuanya menerima dengan penuh taat setia dan bersatu untuk mempertahankan negara kita yang dikasihi ini. Ini matlamat yang dikehendaki sekali oleh pihak kita sekalian. Oleh kerana perpaduan ini adalah sebagai tunjang kepada segala-galanya, tanpa perpaduan jawabnya semuanya tidak ada berfaedah. Cubalah kita sama-sama saksikan sebagaimana kita tengok nasib saudara kita, sebagaimana saya kata tadi di negara Afghanistan dan Iran/Iraq apa jadi. Palestine apa jadi, ini tidak ada lain kerana rakyatnya tidak bersatu padu.

Apatah lagi kalaulah kita penduduk Malaysia ini ada berperasaan perkauman, jawabnya Malaysia akan hancur. Dengan sebab itulah saya berseru sekali lagi kepada semua iapisan masyarakat yang berada dalam Mataysia ini, marilah kita bersatu padu. Di mana bumi yang kita pijak, di situlah langit kita mesti junjung.

Inilah harapan saya kepada semua lapisan masyarakat yang berada di dalam Malaysia ini. Tambahan pula negara kita ini adalah negara yang secara keseluruhannya negara yang berpolitik. Barangkali kemungkinan kita tidak berapa lama lagi atau beberapa bulan lagi kita akan menempoh pilihanraya umum. Kalaulah semuanya kita tidak bersatu, apa akan terjadi kepada kita. Barangkali kemungkinan, kalaulah Kerajaan Barisan Nasional tewas barangkali semua kita Ahli Yang Berhormat ini cukup sahaja masa-outlah semuanya balik ke kampung masing-masing. Dengan sebab itu mesti kita sama-sama bertanggungjawab. Kita mesti bertanggungjawab-kepada negara kita mesti kita mempertahankan Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada B. 16-Jabatan Perkhidmatan Bomba. Ini pun banyak telah disebutkan oleh pihak Yang Berhormat saudara-saudara kita dalam soalan dan di dalam perbahasan telah juga disebutkan tetapi saya ingin juga cuba menyentuh sedikit, sebab perkara ini adalah perkara yang amat ketara sekali. Kasihan kita melihat kepada saudara-mara kita yang terkena kecubaan ini, kita sudah memang maklumlah. Kalaulah terkena jilat api, jawabnya kadang-kadang kain sehelai sepinggang sahaja ataupun kadang-kadang nyawa pun menjadi korban. Oleh itu, sekali lagi saya merayu kepada pihak yang berkenaan cubalah mengatasi masalah ini dengan seberapa segera dan seberapa boleh. Kalaulah dengan peruntukan yang telah pun dibudget dan yang diberi oleh pihak Kerajaan tidak mencukupi, kita berharap di dalam pertengahan tahun kelak, di masa kita buat semakan nanti, Kerajaan hendaklah memberi pertambahan lagi untuk kita melengkapkan alat sebagai ikhtiar

usaha, mudah-mudahan insya Allah kebakaran tidak terlalu ketara sebagaimana yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada Kementerian Pertanian. Kalau kita tengok kepada peruntukan yang diberi adalah banyak. Ini adalah satu peruntukan yang kena pada tempatnya. Oleh kerana Kementerian Pertanian ini adalah satu Kementerian yang amat mustahak, sebab Kementerian yang mengeluarkan jenis makanan sama ada makanan yang berupa padi, sayuran ataupun jenis-jenis lauk seperti ikan dan lain-lain lagi. Tambahan pula berkebetulan si petani yang mengusahakan makanan dan si nelayan yang mengusahakan ikan dan sebagainya ini adalah daripada golongan yang berada di luar bandar yang kebanyakannya ialah berada dalam paras kemiskinan. Oleh itu, amat wajar sekali kepada Kementerian ini mengambil berat dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang menjadi terkitan di hati dan menjadi kemuskilannya kenapa tanah-tanah sawah kebanyakannya terbiar. Kenapa tanah tanah lapang di kampung banyak kosong. Kenapa penduduk luar bandar berhijrah ke bandar dan kenapa anak-anak nelayan tidak lagi mahu ikut jejak langkah ibu bapanya pergi ke laut dan sebagainya. Perkara ini, adalah satu perkara yang amat mustahak sekali kepada pihak Kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya mengkaji secara mendalam dan jujur semoga dapat diatasi. Kalau tidak dikaji secara sungguh-sungguh dan secara jujur, selama itulah rakyat daripada golongan petani dan nelayan duduk di dalam keadaan kemiskinan yang membawa kepada kekurangan kepercayaan kepada Kerajaan. Dan sebab ini mudahlah mereka menerima dakyah-dakyah yang disebarkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang akan membawa kepada tidak ketenteraman. Oleh itu, saya menyeru

kepada pihak Kementerian Pertanian dan agensi-agensinya yang di bawahnya marilah sungguh-sungguh kita membantu rakyat kita yang kurang bernasib baik ini yang berada di luar bandar, semoga insya Allah kita akan dapat sama-sama mengecapi nikmat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. kepada kita sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada Kementerian Pelajaran. Peruntukan yang diberi kepadanya adalah banyak dan Kementerian inilah yang paling banyak sekali peruntukan yang diberi. Ini adalah peruntukan yang patut kita mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan-Kementerian Kewangan yang telah memberi peruntukan yang kena pada tempatnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya hendak menyentuh ialah dua perkara sahaja. Satu, saya merayu kepada pihak Kementerian samakanlah di antara sekolah yang berada di dalam bandar dengan sekolah di luar bandar dengan samaan yang sungguh, jangan samaannya yang kata sahaja. Saya sudah 15 tahun memegang jawatan Pengerusi PIBG Sekolah Menengah Bunut Susu, Kelantan. Saya sudah bosan dengan keadaan perkara yang disunguti oleh rakyat dan oleh para guru-guru yang mana saya telah pun melawat kepada sekolah-sekolah bandar adalah amat jauh sekali perbezaannya di dalam serba serbi. Hatta perbezaan di antara guru, kelulusan guru, kecergasan guru, kebijaksanaan guru pun yang bijak, yang baik ditempatkan di bandar, yang kurang baik ditempatkan di luar bandar. Ini nasib kami di luar bandar. Sebab itu kami tidak kata apa. Kami tidak marah tetapi kami merayu, sebab kami ada hak sebagai warganegara.

Kami yang duduk di luar bandar pun ada mempunyai cita-cita, mahu ilmu pengetahuan yang tinggi sama dengan rakyat saudara-saudara yang berada di bandar, kenapa nasib kami jadi

demikian, fikirlah wahai Kementerian Pelajaran. Kami minta sama di antara sekolah kami di luar bandar dengan sekolah yang berada dalam bandar di dalam segala kemudahan pelajaran, alat dan guru. Terutama sekali dalam Rancangan Malaysia Yang Kelima dan di dalam perbelanjaan ini mesti kita gunakan sekolah di luar bandar lebih banyak peratus daripada sekolah dalam bandar. Ingat! Ingat! Kementerian Pelajaran mesti ingat, penduduk luar bandarlah sebagai tunjang kepada Kerajaan, sebagai penyokong Kerajaan, boleh dikatakan 90% adalah menjunjung Kerajaan yang memerintah tetapi selama mana kami boleh tahan kalau kami dianaktirikan begitu. Dengan sebab itu kami merayu sekali lagi dengan secepat mungkin samakanlah nasib anak-anak kami yang berada di luar bandar dengan anak-anak saudara kami yang berada di bandar.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berikanlah persamaan masa matapelajaran agama dengan matapelajaran-matapelajaran yang lain daripada pelajaran agama. Jangan kita beri matapelajaran lain banyak masanya, pelajaran agama kita ada tetapi masanya sedikit. Kita minta dan merayu supaya menyamakan masa matapelajaran agama dengan matapelajaran yang lain sebab pelajaran agama ini tidak kurang pentingnya dengan matapelajaran-matapelajaran yang lain, bahkan kalaulah kita mahu sungguh-sungguh rakyat warganegara kita yang akan datang bakal menggantikan kita, patut kita menambahkan masa matapelajaran agama kepada mereka daripada matapelajaran yang lain, barulah mereka sedar siapa mereka. Kalau mereka yang ada berpelajaran agama, mereka itu sedar siapa mereka, di mana mereka duduk sekarang, apa tanggungjawab mereka, ke mana mereka akan pergi, mesti mereka sedar.

Jadi, dengan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu sekali lagi kepada pihak Kementerian Pelajaran, samakanlah masa matapelajaran agama dengan matapelajaran-matapelajaran yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada B. 35, Kementerian Dalam Negeri yang diberi peruntukannya \$68 juta lebih. Ini adalah amat munasabah sekali kerana segala keselamatan dalam negeri adalah bergantung kepada Kementerian ini. Dan saya ucap tahniah dan syabas kepada anggota-anggota Polis di seluruh negara yang telah pun menjalankan tugasnya dengan sempurna yang menyebabkan rakyat jelata sekalian boleh hidup dengan senang-lenang dan bebas. Lebih-lebih lagi saya ucapkan syabas kepada anggota Polis yang telah pun menjalankan tugasnya di Kampung Memali, Baling terhadap penentang-penentang Kerajaan yang menderhaka kepada Kerajaan, dan saya ucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham 4 orang anggota Polis yang telah terkorban kerana menunaikan tanggungjawab masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada semua Ahli Dewan yang berada di dalam Dewan ini daripada orang Islam, membacakan Fatihah sekali, hadiah kepada arwah 4 orang Polis yang telah terkorban itu.

(Dewan bertafakur dan membaca Al-Fatihah).

Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerana saya minta ke semua Ahli Dewan ini yang beragama Islam membaca Fatihah sekali, kita berdoa ke hadrat Allah subhanahu wataala semoga dijadikan roh mereka bersekali dengan roh syuhadah yang solehin. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada pihak Kementerian Dalam Negeri, juga kepada pihak

Polis, kalaulah hendak bertindak, bertindaklah awal-awal lagi. Kalau kita hendak mempertahankan satu perkara, mestilah kena kita bertindak untuk mencegahnya, ertinya pada awal lagi, sebab tentulah pihak kakitangan di bawah Kementerian Dalam Negeri adalah amat ramai dan amat banyak sekali kakitangannya yang menyiasat dan sebagainya. Kalaulah difikir perkara ini mudarat, patut buat sekali, kata orang: "Sebelum nasi menjadi bubur", sebab kita tidak mahu lagi melihat berulang kali yang kedua peristiwa Memali ini. Kita tidak mahu lagi berulang, jadi kita berharaplah kepada pihak yang di bawah Kementerian Dalam Negeri, kalau hendak bertindak, bertindaklah awal-awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada Kementerian Kerjaraya. Saya ucap syabas dan terima kasih, apabila saya datang ke Kuala Lumpur terutamanya dan saya melawat di mana-mana bandar, saya ucap ribuan terima kasih kepada Kementerian ini yang mana semua jalan tidak ada satu pun yang tidak ditar dan semuanya elok. Tambahan pula kita mendengar berpuluh-puluh juta, beratus-ratus juta ringgit dibelanjakan, tidak padan selapis tetapi dua lapis; tidak padan dua lapis tetapi tiga lapis di bandar.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini pernah pergi ke luar bandar, ataupun duduk memusing di antara bandar-bandar besar sahaja yang berada di dalam Malaysia ini? Pernahkan pergi kepada jajahan-jajahan, daerah-daerah dan kampung-kampung yang mana mereka ini adalah orang yang sama membayar cukai kepada Kerajaan juga. Adakah mereka ini tidak mahu menjejak kasutnya di atas tar yang tidak berselut ataupun mereka mahu hendak turun daripada rumah terpaksa kena buka stokin, buka kasut dahulu kerana selut, tambahan pula pada musim tengkujuh, musim hujan ini.

Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada pihak Kementerian ini, cubalah membuat agihan yang banyak sedikit kepada jalan-jalan yang berada di luar bandar sebab sudah sesuku abad kita merdeka, tetapi rakyat yang berada di luar bandar tidak mendapat keselesaan yang sama dengan saudara-saudara mereka di bandar-bandar. Saya tidak soalkan masalah hendak ambil tol, hendak ambil apa, ambillah; tidak apa, rakyat sanggup membayar, tetapi syaratnya mesti dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Saya ucap ribuan terima kasih di atas apa yang diberitahu kepada kita dan yang dapat kita rasai segala kemudahan telefon dan sebagainya. Tetapi saya suka memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, saya dilantik menjadi Ahli Dewan Negara ini pada bulan Disember tahun 1984, sehingga sekarang sudah setahun lebih. Dua surat telah pun saya hantar kepada Jabatan Telekom, tetapi telefon tidak saya dapat lagi sehingga sekarang. Di manalah tersangkutnya, saya tidak tahu. Saya tidak tahu tersangkut di mana.

Saya pun boleh katakan sama juga dengan Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim, apabila balik ke kampung saya tidak pakai macam ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebagai Tok Lebai kampung, saya pakai kopiah, pakai kain sarung biasa sahaja, kalau pergi ke Jabatan Pos. Barangkali juga mereka memandang saya ini adalah Tok Lebai biasa yang tidak tahu apa, saya pun tidak kata siapa. Saya tanya: "Macam mana telefon saya?" "Sabar dahulu, tidak ada lagi, Pak Haji." "Tidak ada, tidak apalah, saya terima kasih." Tetapi sudah setahun pun saya tidak dapat lagi telefon. Dikatakan cekap, itu saya tidak tahulah di mana tersangkutnya. Dengan sebab itulah saya merayu kepada pihak Kementerian ini cubalah menyiasat di

mana tempatnya dan cubalah tolong kesiankanlah saya setahun sudah, telefon, tidak ada, susah sangat saya hendak berhubung.

Saya sudah kata baru ini kepada Kerana itu, saya akan bercakap di Dewan, sebab saya sudah tidak tahan. Saya hendak bercakap dengan dia, saya tidak mahu, sebab saya berasa kalau saya bercakap dengan dia, perkara itu akan begitu juga. Jadi sekarang ini saya merujuk kepada bapaknya sendiri, kepada Kementeriannya sendiri, siasatlah di mana yang tersangkut. Kalau tiada perbelanjaan, beritahulah tiada perbelanjaan. Sebab kalau tidak ada tali, sudah ada telefon yang Kerajaan buat dekat rumah saya itu, sudah ada tali, orang lain pun ada, di kampung saya, tetapi kenapa saya tidak diberi. Ini saya tidak tahulah, saya tidak kata apalah, saya tidak marah, tetapi saya hendak beritahu di Dewan yang mulia ini. Saya rasa perkara semacam ini yang menimbulkan penganiayaan sangat kepada rakyat-rakyat yang berada di luar bandar yang kebanyakannya mereka memandang, kalau tidak dibuat pun tidak apa-apa, mereka ini orang biasa, begitu sahaja.

Saya menyeru kepada semua marilah kita bersama-sama bertanggungjawab, jangan kita pilih kasih, jangan kita memandang kepada a, b, c, d. Mesti "a" semua. Rakyat yang ada mesti "a" semua, itu tanggungjawab kita. Cumanya siapa yang dahulu kita beri dahulu, itu sahaja. Tetapi jangan kita buat tidak ada nilai kepada orang yang tidak berharga sebab mereka ada perasaan di hati kecil mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi pula kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sedikit sahaja saya hendak bercakap.

Semua kegiatan yang dijalankan, saya mengucapkan syabas dan terima kasih, cuma satu perkara sahaja, sekarang kelas bimbingan kanak-kanak yang dianjurkan di bawah Kementerian ini adalah amat banyak dan nampaknya amat berjaya sekali. Apa yang saya mahu merayu kepada pihak Kementerian ini, saya minta buatlah, panggillah guru-guru yang mendidik anak-anak kita ini dibuat latihan atau kursus diberi pengetahuan agama. Walau ianya tidak diisytihar sebagai bimbingan kanak-kanak secara Islam, tetapi biarlah tenaga pengajar ini ada ilmu pengetahuan secara agama yang sesuai dan sepatutnya untuk mendidik anak-anak kita yang masih rebung, umur 5 tahun atau 6 tahun. Anak-anak kita ini apabila kita ajar dari ketil insya Allah apabila ia besar ia akan meningkat. Itu sahaja yang saya hendak merayu kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Lain-lain lagi tidak payah saya rayu.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata tadi, saya dengan seikhlas hatinya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1986. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

5.05 ptg.

Tuan Kee Yong Wee: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan.

Saya juga menyokong sepenuhnya Belanjawan 1986 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini. Belanjawan 1986 yang mengandungi beberapa strategi untuk menentang kesan-kesan keralesetan ekonomi dan mempertingkatkan lagi daya pengeluaran negara bagi mencapai

pertumbuhan ekonomi adalah satu Belanjawan yang amat sesuai di masa sekarang.

Dua strategi utama dalam Belanjawan 1986 ialah, pertama, memperkukuhkan usaha-usaha memperbaikiimbangan pembayaran dan perbelanjaan negara dengan pengawalan yang lebih ketat ke atas perbelanjaan sektor awam. Yang kedua, mempergiatkan lagi usaha-usaha menggalakkan kegiatan sektor swasta.

Saya menyokong penuh dan menghargai langkah-langkah Kerajaan untuk memperkukuhkan kedudukan ekonomi negara kita. Langkah-langkah itu adalah mengurangkan perbelanjaan agensi-agensi awam terutamanya mengurangkan perbelanjaan Agensi-agensi di Luar Belanjawan iaitu Off Budget Agencies. Dua, menubuhkan Tabung Pelaburan Baru bernilai \$1,000 juta untuk membantu sektor pertanian, pembuatan dan juga pelancongan. Tindakan Kerajaan ini di masa negara sedang menghadapi kemelesetan ekonomi sudah pasti akan memberikan satu peransang tertentu kepada pertumbuhan sektor-sektor itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana diketahui umum, kedudukanimbangan pembayaran antarabangsa Malaysia masih bergantung kepada permintaan luar negeri terhadap keluaran komoditi negara kita. Tetapi memandangkan prospek pertumbuhan ekonomi dunia masih lagi kurang menggalakkan, kemungkinan besar matlamat mencapai pertumbuhan ekonomi negara kita pada kadar 6% tahun depan mungkin tidak tercapai. Pandangan saya adalah berdasarkan faktor-faktor berikut:

Pendapatan, eksport petroleum Malaysia dijangka akan meningkat sebanyak 15.9% menjadikan \$9,514 juta. Gas cecair asli pula akan bertambah 26.17% dan lain-lain

keluaran barangan utama dijangka hanya mencatatkan sedikit pertambahan. Minyak kelapa sawit misalnya hanya akan bertambah 1.8%; timah 1.9%; barangan perkilangan 8.1% sahaja.

Daripada angka-angka tersebut, kita terpaksa bergantung kepada pendapatan eksport minyak untuk mempertahankan kedudukan ekonomi negara kita. Nampaknya kita tidak ada pilihan lain, hanya untuk bergantung kepada pendapatan petroleum untuk memperkukuhkan kedudukan ekonomi negara kita. Tetapi saya suka mengingatkan di sini bahawa langkah itu hanya boleh dijadikan strategi jangka pendek. Apabila ekonomi negara mula menunjukkan pemulihan kelak, strategi itu hendaklah diubahsuaikan dan dikemaskinikan supaya tidak terjadi keadaan seperti kata pepatah Cina, "menyembelih ayam untuk mendapatkan telurnya", hingga menghalang atau memusnahkan pertumbuhan industri petroleum secara bersistematik yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang amat merangsangkan ialah Kerajaan akhirnya sedar akan kesan-kesan buruk kepada pertumbuhan sektor perdagangan dan perindustrian khususnya pembuatan akibat sekatan dalam Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA). Kerajaan mengambil keputusan untuk melonggarkan beberapa syarat dan peraturan melalui pindaan Akta itu termasuk pinjaman bank kepada industri kecil. Langkah Kerajaan itu amat menggalakkan sektor swasta. Tetapi satu faktor perlu didedahkan di sini ialah sehingga ini pintu bank masih belum terbuka luas untuk sektor industri kecil mendapatkan kemudahan pinjaman.

Apa yang lebih memburukkan ialah kejadian ketentuan komisyen atas pinjaman masih terus berlaku. Perbuatan itu sudah menjadi satu

rahsia terbuka. Sekitarnya Bank Negara tidak mengambil tindakan untuk merangka satu skim perniagaan dan industri kecil yang lebih berkesan dan mudah adalah dibimbangkan bahawa sektor itu akan terus menghadapi kesulitan mendapatkan kemudahan pinjaman. Akhirnya mereka terpaksa mendapatkan pinjaman daripada orang perseorangan dan terpaksa menanggung bayaran faedah yang lebih tinggi. Keadaan ini perlu diatasi seberapa cepat yang mungkin untuk membolehkan pertumbuhan sektor itu bagi kepentingan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan tekanan-tekanan ke atas sektor perindustrian kecil dan sederhana dalam keadaan kemelesetan sekarang serta memperbaiki daya pertumbuhan, saya suka mencadangkan supaya Kerajaan mencontohi beberapa skim yang dijalankan oleh negara-negara maju iaitu menubuhkan satu tabung darurat pembangunan industri kecil dan sederhana untuk membolehkan sektor itu mendapat kemudahan pinjaman tabung untuk mengatasi masalah mereka. Sebahagian daripada pinjaman itu hendaklah diberi tempoh kelonggaran untuk beberapa tahun. Ini bermakna mereka tidak perlu membayar pokoknya dalam tempoh itu.

Kita sedia maklum bahawa industri kecil dan sederhana adalah satu sektor kegiatan ekonomi yang penting dalam sistem pertumbuhan ekonomi negara kita. Ia sebenarnya telah memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara ini. Membantu sektor itu mengatasi kesulitan mereka adalah amat penting dan perlu di masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan setengah-setengah peniaga Cina, lebih-lebih lagi golongan yang selama ini tidak mengindahkan

berbagai galakan dan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan bahawa mereka mesti mengubah sikap dan menyertai dengan secara berani serta mengambil segala peluang dan galakan atau insentif pelaburan yang Kerajaan kini sediakan khasnya memohon taraf perintis untuk projek-projek perindustrian mereka. Mereka juga perlu menggunakan sepenuhnya kemudahan pinjaman yang disediakan untuk sektor perniagaan dan industri kecil untuk memperkembangkan projek mereka.

Di masa hadapan masalah kemelesetan ekonomi ini, langkah berjimat cermat yang diamalkan oleh Kerajaan adalah amat sesuai dan tepat sekali.

Di segi perbelanjaan wang negara saya berharap adanya satu corak amaran awal diadakan dalam Belanjawan yang bukan sahaja membolehkan Kerajaan bertindak secara flexible untuk kedudukan kewangan negara tetapi ialah membolehkan juga wang itu dibelanjakan bagi mempertingkatkan taraf pengeluaran negara kita.

Sejak dua tahun lalu masalah pembuangan pekerja dalam pelbagai sektor akibat tekanan kemelesetan ekonomi tidak mendapat perhatian khas Kerajaan. Malah dalam Belanjawan tahun 1986 tidak ada sebarang dasar khas disusun untuk mengatasi masalah itu.

Kita sedia maklum sektor industri elektronik adalah satu bidang yang paling teruk menghadapi tekanan itu. Saya agak bimbang keadaan akan menjadi lebih buruk sekiranya Kerajaan tidak menyusun langkah-langkah tegas untuk mengatasinya. Akibatnya kesan-kesan akan timbul hingga menjejaskan kemelesetan sosial yang sukar diatasi.

Saya suka menyeru Kerajaan supaya memberi perhatian khas kepada masalah pengangguran, serta kesan-kesan yang timbul. Berbagai tanda sebenarnya telah menunjukkan kemelesetan sosial ini terjejas akibat kemelesetan ekonomi sekarang. Kemelesetan ekonomi, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada membawa masalah pengangguran di kalangan buruh juga akan mengujudkan satu keadaan di mana bilangan profesional atau lepasan institusi pengajian tinggi semakin meningkat. Menurut satu tinjauan kemungkinan besar bilangan profesional yang menganggur dalam tempoh 5 tahun yang akan datang termasuk doktor, peguam dan pakar-pakar computer serta eksekutif-eksekutif syarikat akan meningkat. Kesan-kesannya nanti akan lebih buruk daripada pengangguran buruh kasar. Akibatnya segala usaha yang Kerajaan laksanakan dalam bidang pelajaran dan pembinaan ekonomi negara kita akan terjejas dan menjadi satu pengalaman pahit sekiranya tidak ada rancangan yang sesuai dirangka untuk menghadapi kemungkinan itu dan mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang ini untuk menyentuh sedikit mengenai rancangan penswastan yang tidak diberi huraian yang lengkap dalam Belanjawan 1986.

Tujuan utama pelaksanaan penswastan adalah salah satu strategi Kerajaan untuk mengurangkan pembabitan dan tanggungjawab di segi kewangan. Beberapa projek ini sedang giat dijalankan di Jabatan Perdana Menteri juga merangka garis panduan bagi pelaksanaannya, tetapi pada pendapat saya pelaksanaannya masih di tingkat permulaan. Oleh itu Kerajaan hendaklah mengutamakan bidang-bidang yang menimbulkan persaingan hebat, hanya dengan demikian sahaja pelaksanaannya akan mendatangkan manfaat sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan demikian kerana:

- (i) Modal dari sektor swasta untuk menyertai - rancangan penswastan adalah terhad. Ini kerana rancangan itu masih merupakan satu perubahan baru. Kerajaan hendaklah sentiasa memerhati dan mengawasi pelaksanaan dan perkembangan bagi mengelakkan kegagalan kerana kita baru menjalankannya.
- (ii) Konsep penswastan masih satu perkara baru bagi sektor awam atau swasta. Oleh itu pihak berkuasa hendaklah memberikan masa yang cukup kepada sektor swasta untuk menyesuaikan diri supaya dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan.
- (iii) Kerajaan perlu mengkaji dari masa ke semasa kebaikan dan keuntungan daripada rancangan penswastan dan kesan-kesannya terhadap kepentingan orang ramai. Bagi tujuan itu adalah perlu diwujudkan sistem amaran awalan untuk menjamin kelancaran pelaksanaannya dan juga boleh bertindak untuk mempertingkatkan kesan perkhidmatan dan pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyatakan sekali lagi sokongan saya kepada Rang Undang-undang Perbekalan 1986, untuk bacaan kali kedua dan seterusnya diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood.

5.25ptg.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut bersama menyokong Rang Undang-undang

yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan dan pegawai-pegawainya yang telah menyediakan Belanjawan ini dengan begitu teliti dan juga begitu berhati-hati kerana persediaan Belanjawan ini adalah di dalam saat yang mana negara kita dan juga dunia sendiri dalam kemelesetan ekonomi. Jadi, saya berharap apa yang dicadangkan, yang dirumuskan dalam ucapan yang disampaikan oleh Menteri Kewangan itu dapat kita sambut dengan baik, dan dapat kita jalankan insya Allah, mudah-mudahan cadangan-cadangan yang dimasukkan ataupun yang difikirkan oleh Menteri itu sendiri dan juga pegawai-pegawai akan dapat kita jalankan dan dapat kejayaan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia kita ini telah pun merdeka sekian lama dan telah pun masuk Rancangan Malaysia yang Kelima akan datang. Berbagai-bagai rancangan dan kemudahan-kemudahan telah dibuat oleh pihak Kerajaan kita demi untuk kepentingan semua kaum yang ada dalam negara kita ini. Saya menyatakan juga strategi Belanjawan yang disediakan oleh pihak Kementerian Kewangan ini bukan hanya semata-mata untuk satu kaum, tetapi adalah untuk semua kaum yang ada di negara kita ini. Jadi, saya kadang-kadang sungguh dukacita kerana ada sebilangan rakyat Malaysia ini yang masih tidak puas hati dengan pemberian Kerajaan terhadap rakyat sebagai rakyat Malaysia di negara Malaysia ini.

Saya rasa apa yang saya akan cakup adalah bukan untuk kepentingan satu kaum, tetapi adalah untuk semua

kaum. Jadi biarlah kita sebagai Ahli Dewan Negara bercakap untuk mewakili semua kaum, bukan untuk satu-satu kaum. Ini adalah penting kerana dengan ini kita menunjukkan bahawa kita ada juga perpaduan dan perpaduan itulah yang dapat kita teruskan usaha-usaha dan harapan Kerajaan dan mudah-mudahan kejayaan itu akan kita juga mencapainya pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan yang akan dijalankan dalam tahun 1986 ini adalah bergantung kepada beberapa faktor. Di antaranya ialah kerjasama dari Kerajaan Negeri sendiri, maksud saya kadangkala projek-projek itu akan dibuat di sesebuah negeri, tetapi yang melambatkan projek itu adalah disebabkan pihak negeri itu sendiri. Misalnya saya beri contoh dalam Belanjawan yang kita bahas sekarang ini, Kerajaan akan memperuntukkan iaitu 80,000 unit rumah yang mungkin diperlukan oleh rakyat Malaysia ini, tetapi dengan tidak ada kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri saya rasa 80,000 buah rumah itu tidak dapat dilaksanakan sekiranya kerjasama dari pihak Kerajaan Negeri tidak diberi dengan sepenuhnya, maka rancangan 80,000 buah rumah itu tidak akan tercapai. Misalannya apabila kita hendak diri rumah, kita berkehendakan tanah, jadi tanah itu adalah di bawah Kerajaan Negeri, sekiranya mana-mana pihak sama ada swasta ataupun bank ataupun mana-mana pihak yang akan memohon tanah ataupun untuk mengubah syarat tanah di mana-mana negeri, tetapi kalau tidak ada kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri, maka tanah ataupun ubah syarat tanah itu tidak dapat dijalankan dan mungkin kebelakangan ini kadangkala sampai 3-4 tahun baru boleh diluluskan. Ini ialah salah satu akibatnya yang boleh membantutkan kemajuan untuk kita buat di sesuatu negeri.

Saya di sini menyerulah pihak Kerajaan Negeri supaya memberi kerjasama supaya rancangan yang baik ini dapat kita teruskan dan mudah-mudahan rakyat Malaysia akan menikmati kejayaan ataupun kebahagiaan yang disarankan oleh pihak Kerajaan.

Saya ingin menyeru pihak-pihak negeri supaya projek-projek yang boleh menguntungkan rakyat sahaja patut diutamakan. Mana-mana projek yang mungkin kurang menguntungkan rakyat patut kita kemudiakan dahulu, kita utamakan projek-projek yang boleh menguntungkan rakyat seluruhnya, sama ada rakyat Melayu, India, Cina dan sebagainya. Ini adalah penting kerana yang penting kita utamakan. Maka dengan cara begini saya rasa dapat kita mengurangkan kemiskinan ataupun kurangkan kehendak-kehendak rakyat yang penting di seluruh negara kita ini. Inilah satu perkara yang perlu pihak negeri memberi kerjasama kepada pihak Kerajaan Pusat supaya rancangan-rancangan yang baik ini dapat kita teruskan.

Yang ketiga, saya rasa ini perlu juga kerana negara Malaysia kita ini adalah sebuah negara yang begitu unik sekali kalau kita bandingkan di dalam dunia ini, iaitu negara kita adalah negara yang berbilang kaum. Tidak ada negara yang berbilang kaum seperti negara kita ini, Malaysia. Maka oleh yang demikian, kita di antara satu kaum dengan satu kaum mestilah ada perpaduan dan di antara satu kaum itu ada pemimpin-pemimpinnya masing-masing. Jadi, kepada pemimpin-pemimpin saya serukan supaya dalam mana-mana ucapan, sama ada ucapan rasmi, ucapan tidak rasmi supaya berhati-hati tidak menyinggung perasan mana-mana kaum. Kalau ada syak-wasangka di antara satu dengan lain, maka mungkin terjadi perpaduan kita tidak dapat kita rapatkan. Kalau perpaduan kita tak dapat kita

rapatkan, tidak dapat kita laksanakan dengan sepenuhnya, maka mungkin ada iri hati di antara satu dengan lain. Maka apabila timbul iri hati, akan terbantutlah pelaksanaan Kerajaan demi untuk kepentingan semua kaum yang ada di dalam negara kita ini. Ini adalah penting.

Yang ketiganya ialah berkenaan dengan pegawai-pegawai Kerajaan itu sendiri. Saya ucapkan tahniah kepada setengah-setengah pegawai Kerajaan yang telah memberi kerjasama kepada Kerajaan Negeri melaksanakan memberi nasihat, tunjuk ajar, menunjukkan dedikasi mereka" untuk menolong sesebuah negeri itu supaya mencapai taraf kemajuan yang sepatutnya, tetapi ada segelintir pegawai-pegawai Kerajaan yang mana pegawai-pegawai Kerajaan ini memikirkan kenegerian. Maksud saya, kalaulah seorang pegawai daripada utara pergi bekerja di selatan, semangat kenegerian beliau itu masih ada, jadi seolah-olah beliau itu tidak mahu bekerja di negeri yang bukan tempat lahirnya. Ada setengah pegawai-pegawai Kerajaan yang menyebutkan, apa guna aku teruk-terukkan, bukan negeri tempat aku lahir. Semangat inilah yang perlu kita kikiskan. Bukan tak mahu bekerja, ada pula sabotaj di antara satu pegawai dengan satu pegawai. Inilah yang boleh melambatkan kemajuan yang hendak kita capaikan dalam mana-mana negeri. Inilah yang Kerajaan kita berasa susah hati dengan gejala-gejala yang saya sebutkan tadi. Jadi, kalaulah perkara ini dapat kita ketepikan, dapat kita kikiskan, dapat kita tanamkan semangat bahawa kita yang ada dalam Malaysia ini adalah warganegara Malaysia di mana sahaja kita ada, sama ada di barat, di timur negara kita ataupun di utara adalah rakyat Malaysia.

Apa yang saya sebutkan ini bukanlah satu cerita dongeng. Ini adalah cerita yang sebenarnya yang berlaku di manamana sahaja. Kadangkala dalam

sesebuah negeri itu ada dua tiga empat orang pegawai yang datang dalam sebuah negeri, maka dalam dua tiga empat orang itulah sahaja yang berbual-bual, yang bercakap-cakap dan merancang sesuatu untuk menggagalkan sesuatu projek di sesebuah negeri itu. Inilah yang patut kita kikiskan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang kita harapkan supaya dapat menolong negara kita ini mencapai kemajuan. Saya ingin menyebutkan sekali lagi, bukan kesemua pegawai-pegawai Kerajaan, tetapi ada segelintir pegawai Kerajaan. Tetapi dalam segelintir inilah yang akan merebak menjadi satu barah yang bahaya kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perlu juga dimasukkan dalam kategori yang boleh membantutkan kemajuan kita ialah berkenaan dengan ada setengah-setengah Parti Pembangkang yang berjuang untuk kepentingan diri mereka sendiri, untuk kepentingan parti mereka sendiri, sanggup memecahbelahkan rakyat, sanggup memasuk rakyat supaya benci Kerajaan, benci kepada pegawai-pegawai Kerajaan, benci kepada orang itu dan orang ini, maka timbullah perasaan benci-membenci di antara satu sama lain. Maka apabila keadaan benci-membenci di antara satu sama lain, maka timbullah ketegangan. Maka apakala timbul ketegangan, akan berlakulah sesuatu perkara yang tidak diingini. Maka apakala berlaku perkara yang tidak diingini, Kerajaan kita terpaksa menumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, maka tertinggallah rancangan-rancangan, usaha-usaha Kerajaan untuk melanjutkan pembangunan negara kita ini. Maka inilah patut pihak-pihak Parti Pembangkang ataupun parti yang pentingkan diri mereka sendiri patutlah sedar masalah ini kerana ini adalah untuk kepentingan umum. Saya berharap sekiranya perkara-perkara yang dilakukan oleh pihak-pihak yang

saya sebutkan tadi merugikan negara kita, maka pihak Kerajaan patut bertindak dengan sekeras-kerasnya. Inilah saranan saya kepada pihak yang berkenaan, apa sahaja gejala-gejala yang boleh membantutkan kemajuan kita, patut kita ambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa Kementerian dalam ucapan saya ini, di antaranya ialah Kementerian Pelajaran kerana Kementerian Pelajaran saya rasa adalah satu Kementerian yang penting yang mana Kerajaan telah menanam modal kepada Kementerian ini supaya akhirnya akan mendapat pelajar-pelajar yang boleh menolong balik Kerajaan untuk membangunkan negara kita ini yang sedang membangun. Perkara ini mestilah dititikberatkan dan di antaranya saya rasa baru-baru ini yang disebut-sebutkan, sama ada di akhbar-akhbar ataupun di dalam kaca TV, Radio dan sebagainya berkenaan dengan bahasa Inggeris yang merosot. Bahasa Inggeris juga penting kerana kita adalah dikehendaki juga belajar bahasa Inggeris kerana bahasa kedua dalam negara kita ataupun kalau kita libatkan dalam dunia ialah bahasa dunia. Jadi, bahasa Inggeris ini perlu kita faham sedikit sebanyak kalau kita hendak mencapai kejayaan dalam pengetahuan ataupun dalam segi pelajaran.

Di antara sebab-sebab bahasa Inggeris yang kini merosot, di antaranya kekurangan guru-guru. Saya rasa adalah salah satu sebab kerana pada masa sekarang ini sekolah menengah Inggeris kurang, boleh dikatakan tidak ada dalam negara kita ini dan terpaksa kita ambil guru-guru ataupun kita latih guru-guru yang boleh berbahasa Inggeris sedikit sebanyak kita beri kursus dan sebagainya dan kita akan jadikan guru bahasa Inggeris dan ada di antaranya kita ambil daripada luar negeri, di

antaranya daripada England ataupun daripada negara Eropah untuk menjadi guru bahasa Inggeris.

Saya rasa sebagai bekas seorang guru, guru-guru yang diambil daripada luar negeri ini tidak dapat memberi kesan yang kita harap-harapkan. Di antara sebabnya guru-guru ini mengajar tidak mengikut kaedah, mereka menggunakan free method, dengan izin, iaitu cara mengajar dengan bebas. Yang keduanya, masalah pelat atau slang daripada guru-guru yang berkenaan, jadi tidak dapat diikuti oleh penuntut-penuntut dan ada beberapa sebab lagi.

Saya rasa ada satu perkara yang perlu saya syorkan kepada Menteri Pelajaran iaitu guru-guru yang keluar daripada DTC ataupun maktab-maktab harian yang mana mereka ini telah meningkat umur 40 tahun, mereka ini tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti, tidak dapat melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi yang tinggi kerana mengikut peraturan, apabila seseorang guru itu umurnya 40 tahun tidak boleh melanjutkan pelajaran dan guru-guru peringkat ini adalah guru-guru yang boleh berbahasa Inggeris dan biasa menjadi guru bahasa Inggeris dan keluar daripada sekolah Inggeris. Jadi, saya syorkan kepada Kementerian Pelajaran supaya ambil guru-guru ini, berikan kursus intensif kepada mereka ini sama ada setahun, dua, tiga bulan dan hantar balik sebagai guru bahasa Inggeris dan berilah kenaikan satu ataupun dua increment kepada guru-guru ini. Maka saya rasa perkara ini boleh sedikit sebanyak mengatasi masalah kekurangan guru-guru bahasa Inggeris.

Saya ingin menyebutkan juga berkenaan dengan sekolah-sekolah di luar bandar, sepertimana yang disebutkan oleh saudara kita tadi. Saya bukan hendak bercakap atas nama negeri saya. Negeri saya adalah negeri Perlis yang mana sekolah-sekolah di

negeri Perlis ini tak ada sebuah pun lagi yang sekolah kayu. Semuanya sekolah batu kerana negeri kami negeri kecil dan boleh dikatakan jalan raya seluruh negeri Perlis ini kalau seorang guru pergi mengajar di negeri Perlis, di mana sahaja mereka dihantar, guru-guru itu boleh tinggal di Kangar dan boleh berulang-alik mengajar di sekolah-sekolah dalam negeri Perlis, tetapi ini adalah untuk kepentingan seluruh negara di Malaysia ini.

Di antaranya sekolah-sekolah di luar bandar ini walaupun ada perhatian oleh pihak Kementerian atau oleh pihak Pejabat Pelajaran, tetapi ada kurang perhatian kalau dibandingkan dengan sekolah-sekolah di bandar. Jadi, saya tak mahu mengatakan bahawa tidak diberi perhatian langsung, diberi perhatian tetapi kurang perhatian. Mungkin oleh satu-satu sebab. Tetapi saya rasa menjelang tahun 1986 ini patutlah Kementerian Pelajaran mesti mengambil peranan penting, memberi bantuan yang sepatutnya kepada sekolah-sekolah di luar bandar kerana sekolah-sekolah di luar bandar yang penuntut-penuntutnya juga adalah rakyat Malaysia sepertimana yang disebutkan oleh saudara kita, mereka juga berkehendakkan pelajaran yang tinggi. Jadi, patutlah kita bahagikan segala peruntukan-peruntukan yang lebih sedikit terutama sekali daiam alat-atat sains yang pada masa sekarang ini sungguh kurang kepada sekolah-sekolah di luar bandar.

Oleh kerana tumpuan bekeanan dengan sains yang kita beri kepada sekolah-sekolah luar bandar itu kurang daripada sekolah bandar, maka dalam segi sains sekolah-sekolah di luar bandar mungkin tercicir daripada sekolah-sekolah yang ada di bandar. Jadi, saya berserulah kepada pihak yang berkenaan supaya memberi tumpuan ataupun perhatian yang serius kepada sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Perlis ini tidak ada universiti dan tidak ada faktori-faktori yang besar-besar kerana negeri Perlis adalah sebuah negeri yang kecil, tetapi wataupun kecil, adalah sebuah negeri juga yang mana mempunyai seorang Raja seperti mana negeri-negeri lain juga. Saya rasa ada sebuah universiti di negeri Kedah iaitu Universiti Utara Malaysia ataupun Universiti Utara dan oleh kerana tidak lojiklah kalau saya katakan supaya sebuah lagi universiti didirikan di negeri Perlis dan saya pun tak mahu hendak minta perkara-perkara yang tak munasabah. Jadi, oleh kerana ada universiti di negeri Kedah, maka saya sarankan kepada Menteri Pelajaran supaya membuka satu cawangan di negeri Perlis daripada Universiti Utara ini. Jadi, dapat jugalah orang-orang Perlis merasai universiti walaupun satu pertiga (one third university), dengan izin. Inilah seruan saya yang agak boleh dikatakan berpatutan. Kalau saya hendak kata sebuah lagi universiti mungkin tak lojik. Jadi, saya berseru kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya mengadakan satu cawangan di negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir-akhir ini diperkatakan juga berkenaan dengan penuntut-penuntut di luar negeri. Ada yang mengatakan penuntut-penuntut ini masuk dakwah, jadi ekstrimis lebih daripada orang-orang atim, keluaran berbagai-bagai petua yang mengelirukan kita. Ada yang pakai jubah dan sebagainya yang boleh merunsingkan Kerajaan kita. Kita bukan tidak menyuruh mereka tumpukan perhatian kepada agama, tetapi janganlah terlampau sangat, merosakkan balik mereka itu sendiri. Itu salah satunya.

Satu lagi disebabkan oleh hasutan-hasutan daripada kalangan-kalangan tertentu yang ada berkesempatan pergi ke luar negeri berjumpa dengan penuntut-penuntut kita di sana dan memberi ceramah, dalam ceramah itu

menghasutkan penuntut-penuntut iri supaya menentang Kerajaan dan sebagainya. Ini adalah sebagai fitnah yang saya anggapkan sebagai fitnah yang dibuatkan oleh penceramah-penceramah yang tertentu. Perkara ini sering berlaku dan kita tidak dapat menghapuskan sama sekali dan mungkin kita dapat mengurangkan. Dengan adanya "brain storming" sebelum penuntut-penuntut ini ke luar negeri dan pihak-pihak Tata Negara yang akan memberi ceramah, memberi nasihat kepada mereka ini supaya berhati-hati dengan dakyah-dakyah yang tertentu dan memberi terima kasih kepada Kerajaan yang memberi peluang kepada mereka itu mendapat tempat untuk melanjutkan pelajaran. Ini dapat mengurangkan sedikit sebanyak. Apabila pergi ke sana ada orang-orang yang tertentu pergi menghasut mereka ini dan saya sarankan kepada Kerajaan supaya apabila kita hendak menghantarkan pegawai-pegawai ataupun penceramah-penceramah mestilah kita hantar penceramah-penceramah yang betul-betul berkaliber, yang betul-betul dapat menarik perhatian penuntut ini kembali kepada menyokong Kerajaan ataupun ada minat untuk belajar dan bukan untuk menentang sesiapa.

Jadi, kadangkalanya apabila seseorang pegawai, seseorang pemimpin di negara kita ini pergi ke luar negeri memberi ceramah, orang itu pakar dalam segi agama, kita hantar orang yang lebih daripada orang itu, jangan kita hantar orang yang rendah daripada orang yang baru balik itu. Kalau kita hantar orang itu rugi duit sahaja, dengan penuntut-penuntut itu sendiri tak boleh hendak berbincang, kalah dengan penuntut itu sendiri. Jadi, kita pilihlah orang-orang yang betul-betul dapat memberi ceramah.

Ramai ulama kita di Malaysia tetapi saya. perhatikan, tengok pegawai-pegawai yang dihantar itu dengan penuntut itu sendiri tidak boleh lawan.

Balik begitu sahaja. Ini patut diingatkan dan saya sarankan kepada pihak Kerajaan supaya menghantarkan pegawai-pegawai ataupun pensyarah-pensyarah dari segi agama, dari segi mana yang betul-betul pakar yang dapat kita redakan, dapat kita kembalikan kepercayaan mereka itu kepada kita. Kalau kita hantar orang yang sepertimana yang saya katakan tadi, wang sahaja rugi, balik. Dia boleh pergi melawat sahajatah. Pegawai itu untungnya dia boleh pergi melawat. Balik, dia cerita bagaimana dia pergi melawat, dan apabila balik buat cerita pula, dia dapat beri syarahan kepada penuntut itu, semua penuntut tidak berani bercakap apa. Dia balik berbohong pula kepada kita. Walhal dia kena tidak dan 5 minit bercakap, lari keluar. Ini satu perkara.

Satu lagi, Pegawai-pegawai Kebajikan Penuntut yang kita hantar pergi itu betul-betul pegawai-pegawai yang betul-betul ada hasrat untuk menjadi sebagai seorang Pegawai Kebajikan Penuntut. Saya sering bercakap dari segi ini iaitu pegawai-pegawai yang kita hantar itu, dia berlagak sebagai diplomat. Dia bukan berlagak sebagai bapa angkat. Apabila dia pergi di sana, dia berlagak sebagai diplomat, penuntut-penuntut tidak berani hendak berjumpa dengan dia kerana dia punya "timing" lebih sedikit. Apabila jadi macam itu, hubungan penuntut dengan pegawai ini tidak dapat dirapatkan. Penuntut-penuntut, pegawai-pegawai. Kalau keadaan macam ini maka hasrat Kerajaan menghantarkan Pegawai Kebajikan untuk menjaga kebajikan, memberi nasihat kepada penuntut-penuntut dan ambil tahu hal keadaan kesusahan penuntut-penuntut itu, tidak sampai, kerana pegawai yang pergi itu bukan sebagai seorang Pegawai Kebajikan tetapi adalah sebagai seorang Diplomat, sebagai orang besar, tuan besar di sana. Jadi, hasrat Kerajaan tidak tercapai. Maka

sebab itulah apa yang kita lakukan tidak mencapai kejayaan yang sepatutnya kita capai.

Saya juga ada dirungutkan oleh penuntut-penuntut yang balik sama ada balik daripada cuti mereka ataupun balik daripada sudah habis kursus mereka mengatakan, ini saya tidak pastikan sama ada benar ataupun tidak. Kalau benar, patutlah pihak yang berkenaan mengambil tindakan. Penuntut-penuntut di negara-negara lain yang ada di London, kita misalkan di Amerika, selalu kedutaan mereka ini menunjukkan gambar-gambar kemajuan yang dicapai oleh negara-negara mereka. Dengan cara yang demikian, penuntut-penuntut ini dia punya perasaan hati mereka selalu berhubung rapat dengan negara mereka. Selalu menunjukkan kemajuan, menunjukkan gambar-gambar yang mana kita buat untuk kebaikan rakyat, kita hantar gambar itu sama. Begitulah yang dibuat oleh negara-negara lain tetapi tidak dibuat oleh negara kita sendiri. Mungkin kalau dibuat pun tidak begitu berkesan kerana mungkin setahun sekali ataupun dua tahun sekali baru gambar itu sampai. Ini adalah disebutkan oleh penuntut itu sendiri. Mungkin ini benar atau tidak benar, tetapi kalau benar Kerajaan patut mengambil tindakan. Ini adalah salah satu cara kita hendak merapatkan hubungan penuntut kita yang ada di luar negeri dengan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan B. 33. B. 33 ini berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Awam yang diperuntukkan sebanyak \$479 juta. Kalau disebutkan berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Awam maka terbayanglah kita rakyat yang melibatkan diri mereka dalam Kementerian ini yang banyak sekali ialah petani-petani yang menanam padi.

Saya ucapkan terima kasih kepada Menteri yang berkenaan yang mana saya selalu memperkatakan berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Awam, oleh kerana saya tinggal di dalam kawasan yang berkenaan. Kementerian ini melibatkan diri mereka dengan padi. Salah satu daripada fungsi Kementerian ini ialah melibatkan mereka dengan padi. Apabila disebut padi maka melibatkanlah pula petani-petani dan petani itu terdiri daripada orang Melayu dan orang Cina yang ada di kawasan MADA di negeri Perlis, Jadi, yang timbul masalah sekarang ini Kerajaan, pihak MARDI tidak jemu-jemu mengkaji, membuat, mencari benih ataupun baka padi yang baik yang dapat mengeluarkan hasil yang banyak. Maka kejayaan MARDI ini patut dipuji dan di antaranya adalah padi yang disebut R70, AR42 dan sebagainya. Kadang-kadang kita tidak tahu hendak sebut, terlalu banyak padi ini, di antaranya ialah IR42.

Apabila ditanam padi jenis IR42 ini maka hasilnya terlampau banyak, hasilnya berlipat ganda daripada padi-padi jenis yang lain sehinggakan satu relong ataupun satu ekar hampir 30 guni padi. Boleh kata setengah dia punya hasil meningkat, Apabila padi banyak, petani ini makan tidak habis, sudah banyak padi hendak jual, Apabila hendak jual padi ini terpaksa kena berhubung dengan LPN. Jadi kompleks LPN pun dibukalah hendak jual padi ini. Apabila hendak jual padi ini timbul masalah. LPN tidak sanggup hendak menerima padi kerana terlalu banyak bertimbun-timbun di luar kawasan LPN. Lori berderet-deret di atas jalan. Maka Polis pun. ambil kesempatan, saman lori yang ada di atas jalan. Timbul masalah pula dan pihak-pihak driver lori pula jumpa Wakil Rakyat. Lori yang duduk atas jalan pun Polis saman, terpaksa kena bayar denda kompaun \$40.00. Lori yang besar sedikit, \$60. Jadi, habislah.

Timbul berbagai-bagai masalah disebabkan LPN tidak boleh terima padi ini, kerana LPN kadang-kadang dia punya fungsi perniagaan, tetapi cara bekerja, pegawai Kerajaan. Pukul 8 baru buka, lori sudah sampai. Apabila buka bilik, buka atau tarik laci, buka fail sudah sampai pukul 9, barulah suruh lori masuk. Masuk, sebuah, dua buah lori-masuk, timbang, cucuk. Macam-macam, kadang-kadang ada sistem cucuk, timbang dan sebagainya, memakan masa dalam sehari kadang-kadang boleh 10 lori, 5 lori sahaja. Tinggal lagi 40 lori atas jalan. Jadi sebuah lori itu hanya boleh angkut padi dua hari, sehabis-habis cepat dua hari sekali, kalau tidak tiga hari sekali dan terpaksa kena pergi park lori dia tepi jalan kerana LPN lambat buka pejabat, sampai pukul 4 petang tutup, sampai pukul 1.00 tengahari berhenti makan. Makan itu tak tahu berapa lama, sudah makan itu teralit sedikit, berhenti awal, masuk pun lewat. Ini adalah lumrah alam, manusia siapa sahajalah. Jadi ini perkara biasa.

Pukul 4.00 petang tutup, lori tinggal atas jalan, petani kena tunggu lori atas jalan raya, tak tunggu takut kawan curi, kadang-kadang apabila hujan, sudah memakan masa 3-4 hari dalam satu lori.

Jadi saya bincangkan perkara ini dengan pihak yang berkenaan. Mereka kata, tak boleh kerja, fasal tak ada peruntukan kerja lebih masa. Saya katakan, tak ada kerja lebih masa itu sebab dia tak hantar peruntukan kepada pihak Kementerian, macam bulan Disember ini, kena hantarlah peruntukan untuk bekerja lebih masa.

Jadi saya berserulah kepada pihak Kementerian bila mana kerja lebih masa ataupun kerja 24 jam, bukan sepanjang masa cuma dalam masa dua bulan sahaja. Jadi dapatlah meringankan beban petani-petani dalam masa dua bulan sahaja yang sibuk, dua bulan sahaja boleh

dikerjakan 24 jam, kita boleh tukar shift pegawai-pegawai yang ada bekerja di situ.

Jadi dapat meringankan masalah tetapi sampai 2-3 tahun kita bercakap di sini, duduk macam itu juga petani-petani menderita dalam masalah ini.

Padi basah, apabila hujan padi itu basah kena hujan dia tumbuh, dia cambah atas lori. Pergi kepada LPN, dipotong banyak. Lepas itu Menteri kata, tuan-tuan boleh pergi berjumpa dengan Pengurus LPN, boleh berkira dan sebagainya. Tetapi ada setengah Pengurus LPN itu dia itu ada "timing" sedikit, setengahnya. Kalau petani-petani pergi hendak berjumpa, dia kata, saya sibuk, saya banyak kerja, padi tuan-tuan tidak akan ke mana, duduk atas lori dia tak ke mana. Inilah cakap pegawai-pegawai LPN ataupun Pengurus-pengurus LPN tetapi bukannya kesemua, ada seorang dua yang begitu. Kita tak nafikan yang lain itu bagus, ada mahu bekerjasama, keluar mari tanya macam mana padi pakcik, berapa lama atas lori. Inilah pegawai yang kita boleh banggakan. Pegawai-pegawai itu bukan orang bangsa lain, orang bangsa Melayu, berhadapan dengan petani-petani yang terdiri daripada orang Melayu juga tetapi mereka tak boleh hendak berbincang. Masuk dalam pejabat sahaja, awak keluar, saya banyak kerja, ini fail banyak lagi yang saya tak beres. Ini cakap daripada Pengurus LPN sendiri, kadang-kadang kita tak percaya dan kita biasa menyamar sebagai petani dan kita dapati apa yang disebutkan oleh petani itu adalah benar.

Perkara ini patut pihak Kementerian ambil perhatian dalam masalah ini dan diharap dapat kita mengatasi dalam masalah ini. Mestilah kita bukakan LPN ini dalam musim yang betul-betul petani berkehendakkan menjual padi mereka itu dalam masa dua bulan sahaja. Kalau kita buka sepanjang masa, walaupun tidak 24 jam, kita

tambahkan masa, insya Allah kita akan dapat bereskan dan kalau tidak kompleks itu tidak muat, pihak LPN boleh buat stor di luar, kerana kawasan itu banyak lagi.

Dan baru-baru ini apabila kita buat teguran, barulah dibuatkan stor di luar, boleh simpan padi dan dapat mengurangkan masalah sedikit tetapi banyak lagi sistem itu patut dibuat lebih banyak lagi. Jadi akan dapat mengatasi masalah. Jadi benda ini adalah dengan daya usaha Pengurus LPN itu sendiri ataupun pegawai-pegawai daripada Kementerian itu sendiri dan dapatlah kita mengatasi masalah.

Satu lagi saya rasa boleh kita mengurangkan perkara banyak padi di kompleks LPN ini patut kita jadikan kilang-kilang kecil ini sebagai anak angkat LPN untuk mengisarkan padi. Sekarang ini ada jadi anak angkat tetapi syarat yang ditetapkan itu terlampau berat sehinggakan kilang-kilang beras yang kecil itu tak dapat hendak mengisarkan padi LPN.

Jadi saya rasa syarat-syarat itu patut dilonggarkan supaya kilang-kilang kecil ini dapat menolong pihak LPN untuk mengisarkan padi ini dan dapat diproses dengan cepat. Yang perlu juga ialah patut ditambahkan kompleks LPN di negeri Kedah ataupun negeri Perlis kerana kompleks LPN yang ada sekarang tidak mencukupi kerana hasil padi bertambah banyak. Disebabkan oleh siasatan yang dibuatkan oleh pihak berkenaan mencarikan benih padi yang boleh dapat mengeluarkan hasil yang banyak. Di samping itu mesti kita mendirikan kompleks LPN lebih banyak untuk menambahkan lagi tempat kita dapat menjual padi.

Satu perkara lagi, saya rasa yang menjadi masalah sedikit, masalah songsang sedikit ialah LPN dengan Jabatan Pertanian. Oleh yang demikian, saya rasa sepatutnya LPN ini diletakkan di bawah Kementerian

Pertanian. Dia ada dua perkara yang berasingan, jadi Kementerian Pertanian ini cuba mencarikan benih supaya petani dapat hasil padi yang banyak. Apabila dia dapat hasil yang banyak, dia berasa bangga, pegawai pertanian pergi bersyarah di kampung-kampung mengatakan pihak Jabatan Pertanian negeri-negeri yang tersebut dapat menghasilkan padi dari jenis benih yang baik dan dapat mengeluarkan hasil yang banyak. Dia berasa bangga, dapatlah hasrat Jabatan Pertanian kerana sudah dapat mengeluarkan hasil yang banyak. Tetapi yang akan menerima bebanan ialah LPN.

Padi itu banyak, dia tak kira padi itu hancurkah, pecahkan, mudah tumbuhkan, dia tak kira, dia kira hasii banyak, lebih banyak daripada hasil benih padi yang lepas. Jenis padi yang lepas kita kata boleh dapat 500 gantang, tetapi yang baru ini dapat 700 gantang, dia berasa bangga, tetapi yang menerima bebanan ini ialah LPN kerana petani-petani itu akan menjual padinya kepada LPN. LPN akan menerimakan padi itu. Kadang-kadang hancur, kadang-kadang mudah tumbuh dan sebagainya. Jadi untuk hendak menjagakan perkara ini tidak berlaku lagi, sepatutnya LPN itu dimasukkan di bawah Kementerian Pertanian. Saya rasa itu baru dapat diselaraskan masalah besar yang timbul dalam LPN ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh B. 34 iaitu Kementerian Kesihatan. Kementerian ini adalah satu Kementerian yang memberikan banyak kebaikan kepada rakyat kita terutama sekali rakyat daripada luar bandar yang mana pada masa dahulu orang luar bandar tak berani datang ke hospital. Tetapi oleh kerana kebaikan, nasihat-nasihat oleh orang yang tertentu, maka penduduk di luar bandar pun ramai pergi ke hospital. Jadi apabila ramai pergi ke hospital, maka pekerja-pekerja hospital

teruklah, doktor-doktor, pembantu-pembantu hospital, jururawat dan sebagainya kerana orang banyak.

Apabila orang banyak pergi maka mulalah jururawat-jururawat ini tidak tahan, mula hendak marah kerana orang banyak. Tidak sempat hendak tunggulah, macam-macam dia kata, kesihan kepada orang luar bandar, tetapi apa boleh buat kerana orang terlampau banyak. Kita tidak boleh masuk sebelah orang, tetapi patutlah kita bersabar dengan keadaan-keadaan yang ada di hospital kerana orang banyak, itu pun pegawai-pegawai kesihatan juga pergi ke kampung-kampung menyeru rakyat di kampung-kampung supaya datang ke hospital kerana kita akan beri layanan-layanan yang baik, ubat percuma dan sebagainya.

Apabila orang kampung datang ke hospital maka mereka dapat tengking, kata-kata kasar daripada jururawat dan sebagainya. Jadi saya rasa perkara ini dapat diatasi kalau ada persefahaman daripada jururawat di antara satu dengan lain.

Saya berasa sedih juga tengok di Hospital Besar Kuala Lumpur ini berkenaan dengan baju. Baju yang diberi kepada pesakit-pesakit di Kelas 3 dan Kelas 2 iaitu seluar putih, baju putih kadang-kadang saya tengok baju yang diberi kepada pesakit-pesakit di Kelas 3, Kelas 2 ini kadang-kadang lebih dahsyat daripada baju yang diberi kepada pesalah di Pudu Jail. Baju itu sudah lasam, bertahi lalat, busuk. Jadi kalau si pesakit itu pakai baju itu, dia nanti kuat lagi sakitnya. Ini yang menyedihkan kerana baju itu telah lama.

Saya berharaplah kepada pihak Kementerian Kesihatan sepatutnya ambil perhatian supaya tukarlah baju itu kerana baju itu tebal, hitam, kadang-kadang bau busuk dipakai oleh pesakit-pesakit, kalau tidak pakai dimarah pula oleh jururawat. Maka dipakailah juga oleh pesakit itu.

Jadi kalau dia demam sedikit-sedikit akan demam terus tidak bangkit terus. Jadi nampak berasa sedih dengan pakaian bagi pesakit-pesakit di Kelas-kelas 3 dan Kelas 2. Saya berharap pihak Kementerian Kesihatan akan ambil perhatian dalam masalah ini.

Dan keduanya saya tidak tahulah macam mana caranya. Apabila pegawai-pegawai ataupun kakitangan hospital pergi beri makanan, apabila sampai masa makan di hospital, dia suruh pesakit itu sendiri mengambil, hamba Allah itu tidak boleh hendak berjalan, terhuyung hayang pergi mengambil makanan. Ini pun saya tidak faham macam mana ceritanya, tugas kakitangan kesihatan itu untuk memberi makan kepada pesakit-pesakit, patutlah pekerja atau pegawai-pegawai, kakitangan hospital itu ambil benda itu beri kepada pesakit kerana mereka ini sakit. Kalau tidak sakit tidak duduk di hospital.

Saya rasa perkara ini patut diambil perhatian supaya jangan beri pesakit-pesakit itu bangun, ambil sendiri terhuyung hayang makanan itu. Inilah satu perkara yang saya tengok, yang saya merasa pelek kerana hospital ini terletak di Kuala Lumpur, Bandaraya Kuala Lumpur, Hospital Besar yang patut kita banggakan tetapi masalah-masalah yang saya sebutkan ini adalah mendukacitakan. Terutama sekali pakaian itu patut diambil perhatian yang berat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri. Kementerian Dalam Negeri ini adalah seperti yang disebutkan oleh saudara kita Yang Berhormat tadi iaitu pasukan keselamatan dengan cara langsung, dengan cara terus terang kita sebut Polis. Jadi kita semua puji pihak Polis, pasukan keselamatan kerana mereka inilah yang menolong dan bekerja yang membolehkan kita hidup aman dan damai, boleh berjalan sampai jam 5.00 pagi hendak balik pun

tidak mengapa, oleh kerana ada pegawai-pegawai ini yang menjaga kita, tetapi adakah kita hanya mengucapkan terima kasih dalam mana-mana ucapan terima kasih dan sebagainya. Saya rasa pihak pasukan keselamatan sudah tidak tarat lagi hendak menerima ucapan terima kasih kerana terlampau banyak. Jadi di samping kita memberi ucapan tahniah kepada kerja-kerja yang mereka lakukan kerana dengan kerja-kerja mereka dan usaha-usaha mereka itu kita dapat hidup aman dan damai, maka kita perlulah memberi perhatian kepada mereka ini.

Satu di antaranya apabila saya pergi di Balai-balai Polis. Saya tengok pejabat-pejabat mereka ini terlampau menyedihkan hinggakan kerusi hendak duduk pun tidak ada, pecah habis, keluar spongenya itu. Bilik-bilik pegawai Polis yang duduk di bilik ini kita tengok sedih macam mana mereka hendak buat kerja begini, tetapi kita selalu mengatakan bahawa Polis inilah yang betul-betul memberi kita hidup selesa kerana mereka menjaga keamanan tetapi apabila kita tengok pejabat-pejabat mereka ini sungguh menyedihkan.

Jadi saya berharaplah pihak Kementerian yang berkenaan supaya ambil perhatian berat kepada apa yang disebutkan tadi dan kalau kita tengok typewriter mereka itu, kalau typewriter kita sudah condemnlah, tidak boleh pakai, berkarat, hak bila tidak tahu. Kadang-kadang Polis sendiri kena beli typewriter, tidak ada peruntukan di pejabat berkenaan. Ini yang menyedihkan dan satu lagi kereta pun tidak cukup, hendak pergi buat report, pergi siasat terpaksa kena pergi dengan kereta sendiri, tidak boleh menggunakan jeep dan sebagainya kerana kurangnya kenderaan yang saya sebutkan tadi. Jadi perkara ini patut diambil perhatian.

Satu lagi perlu saya sebutkan walaupun perkara ini kecil iaitu berkenaan dengan uniform Polis. Uniform Polis ini dia beri yang ready made, yang sudah siap. Jadi apabila Polis pakai, kita tengok kadang-kadang itu di bawah besar di atas kecil, dia jadi macam yengki, terpaksa kena pergi alter, pergi perbaiki jadi tidak selesa Polis pakat, terpaksa tambah lagi duit mereka itu sendiri, dengan wang mereka untuk perelokkan uniformnya. Jadi tidak bolehkah Kerajaan dan saya menyeru Kerajaan supaya mengadakan tender kepada tukang-tukang jahit di tiap-tiap bandar supaya apabila sampai niasa yang perlu Polis buat uniform, pergi ukur di kedai itu beberapa pasang dan sebagainya. Saya rasa ini dapat menolong mereka sebab benda ini dirungutkan oleh pihak Polis sendiri kerana masalah pakaian mereka ini. Inilah saya syorkan supaya kita adakan tender di mana-mana supaya Polis boleh pergi jahit, buat potongan bajunya sendiri di kedai-kedai tersebut. Saya rasa dapat kita menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita tengok rompakan berlaku banyak, terutama sekali di bandar-bandar besar di Kuala Lumpur. Kuala Lumpur ini di tengah-tengah kesibukan boleh dirompak kedai emas, kedai itu dan kedai ini dan baru-baru ini kita tengok apabila perompak itu keluar daripada kedai itu, dia acu pistolnya macam cowboy, dia tidak takut kepada sesiapa dalam pekan. Ini berlaku kalau dibandingkan pada masa-masa yang lepas, bila-bila masa boleh berlaku, dahulu rompakan ini berlaku sebelah malam sahaja, jarang sekali kita dengar rompakan berlaku pukul 12.00 tengahari ataupun pukul 10.00 pagi, orang sedang sibuk dalam bandar. Apabila kita tanya pihak-pihak yang berkenaan mengapa jadi begini? Ada di antara mereka mengatakan bahawa kerana perompak ini tahu orang-orang yang pakai pakaian yang tidak ada uniform tidak ada pistol. Tetap tidak

ada, cuma yang ada kakitangan special branch, ada dua, tiga orang yang ada di Kuala Lumpur, itu yang dia mungkin special branch, dia ada pistol tetapi yang lain tidak ada pistol. Adalah Wakil Rakyat, Parlimen itu semuanya ada pistol tetapi mereka Ahli-ahli Parlimen ini dia tidak biasa merayau-rayau. Jadi yang ada dalam pekan, jadi pada masa dahulu pegawai-pegawai Polis ini apabila dia dalam duty, beruniform diberi pistol, apabila dia tidak duty pun dia beri pistol. Pistol dia tidak payah tinggal di Balai Polis.

Jadi sekarang apabila polis bukan dalam duty dia mesti tidak ada pistol, jadi perompak boleh tahu. Dalam lingkungan ini yang tidak pakai uniform mesti tidak ada pistol sebab itu dia berani merompak di tengah-tengah hari yang begitu cerah pukul 12.00. Saya haraplah kepada pihak yang berkenaan, pihak Kementerian supaya memberi balik senjata kepada pegawai-pegawai polis yang luar daripada duty dia itu supaya menggunakan pistol. Tetapi ada masalahnya, ada masalah kerana saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kerana kadang-kadang pihak pegawai itu sendiri tidak percaya kepada polis itu sebab itu dia tidak berani bagi pistol suruh dia pakai. Jadi, tentulah polis tahu, ada di antara pegawai-pegawai polis ataupun pihak kakitangan polis ini yang berpangkat koperal ke atas seperti sarjan dia sudah lama bekerja, yang itu kita boleh bagi pakai pistol. Jadi, sekarang apabila ada pistol perompak tidak berani bermaharajalela sangat kerana dia kata di antara yang tidak ada beruniform ini ada pistol, mungkin ada terdiri daripada polis. Sekarang dia sudah pastikan, kalau tidak ada uniform tentu tidak ada pistol. Sebab itu dia berani merompak di tengah-tengah khalayak ramai. Saya syorkan kepada pihak Kementerian supaya menimbang semula berkenaan dengan pemberian

pistol ataupun senjatapi kepada pihak polis walaupun dia bukan dalam bertugas ataupun duty.

Satu lagi berkenaan dengan bahagian penyiasatan. Di Balai Polis ini ada seorang Inspektor. Di bawah seorang Inspektor itu, bahagian penyiasatan ini ada dua orang sarjan bertugas untuk menyiasat kes-kes jenayah. Jadi, apabila seorang itu datang membuat report memberitahu kepada pihak polis ada satu-satu kes jenayah maka dua pegawai inilah yang akan pergi menyiasat di bawah seorang Inspektor. Apabila pergi menyiasat dalam tempoh 14 hari laporan itu mesti disiapkan. Jadi, oleh kerana pegawai itu sedikit, kes ini banyak maka pihak polis tadi tidak dapat hendak menyiapkan laporan siasatannya itu. Dia mesti siap dalam masa 14 hari. Jadi, untuk tidak dimarahi oleh pihak pegawainya maka dia mula membuat laporan dalam masa 14 hari itu, walaupun pegawai polis itu tidak sempat untuk menyiasat dengan teliti maka dia mulalah bohong, dia buat laporan yang tidak tepat kerana dia takut dimarahi oleh ketuanya. Inilah yang berlaku sekarang. Sebab itulah kita tidak dapat kes-kes yang tepat yang boleh kita tangkap dengan segera kerana masalah pegawai yang tidak cukup di Balai-balai Polis yang tertentu. Kerana pegawai tidak cukup maka penyiasatan tidak dapat dilakukan dengan sempurna.

Satu lagi berkenaan dengan Pegawai Anti-Dadah, narkotik ini. Di Perlis, Kedah, Kelantan negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand. Jadi, masyhorlah mengatakan segala dadah itu datang daripada Thailand. Pegawai-pegawai ini sedikit. Di negeri Perlis ini ada satu ven diberi kepada bahagian dadah, ven itu warna merah. Ven itu sudah lama sepertimana disebutkan oleh Yang Berhormat tadi macam kereta bomba, dua batu lagi sudah dengar ven itu datang berdengung. Jadi, kalau adalah anak-anak muda

yang duduk di bawah pokok, hayal dengan menghisap dadah dan sebagainya, sudah dapat amaran dua batu, bolehlah cabut lari, boleh balik tidur dalam masa kereta itu datang. Jadi, pegawai-pegawai pun tidak cukup untuk mengawasi berkenaan dengan kegiatan dadah yang berlaku di sempadan-sempadan ini. Jadi, saya sarankanlah kepada pihak yang berkenaan terutama sekali pihak Kementerian Dalam Negeri supaya menambahkan lagi Pegawai-pegawai Anti-Dadah ini supaya dapat kita laksanakan kehendak kita untuk menghapuskan ataupun mengurangkan kegiatan penyeludupan dadah atau penyalahgunaan dadah di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan B. 44 Kementerian Penerangan. Yang Berhormat Menteri Penerangan tidak ada tetapi pegawainya ada. Jadi, kadang-kadang saya hairan juga dalam TV. Dalam TV ini para-para artis memakai lambang-lambang luar negeri seperti Union Jack, lambang tentera laut Jepun. Mengapa diberi peluang untuk memakai benda itu. Apa dia kebaikannya. Walhal di sekolah-sekolah sekarang ini kita hendak tambah matapelajaran, kita hendak bagi murid-murid di negeri kita ini kasihkan kepada negara kita, kasihkan kepada bangsa kita, kasihkan kepada pemimpin kita, kita tidak mahu bagi kepercayaan kepada negara lain dan sebagainya tetapi pihak RTM, membenarkan pihak artis pakat lambang-lambang dalam pertunjukan drama, di antaranya iaitu satu drama Orang Bujang. Drama Orang Bujang ini yang ditayangkan pada 18-11-85, saya lihat lambang Union Jack ada di kereta pelakon, ditunjukkan dengan jelasnya. Apakah maksudnya ini? Adakah kita hendak menggalakkan pemuda-pemuda, pemudi-pemudi kita ini supaya cintakan, tumpukan perhatian dan cintakan kepada negara luar. Saya minta daripada pihak

Kementerian supaya menyatakan apakah sebabnya? Kalau diberi sebab yang munasabah saya sanggup menerimanya. Kalau tidak, adalah satu perkara yang mana sepertimana orang kata "cakap tidak serupa bikin".

Pada masa dahulu saya selalu bercakap berkenaan dengan lambang di T-shirt - di Baju T ini ditulis macam-macam. Tulis perkataan-perkataan yang tidak sedap didengar. Di antaranya "I like banana because it has no bone", dituliskan di baju. Ini dibiarkan oleh pihak kita dan dibiarkan oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Penndustrian supaya baju-baju ini boleh diedar dan boleh dijual, macam-macam tulisan dan gambar sekali.

Sekarang ini dia bertukar wajah pula. Di baju-baju T ini dia tulis, dia bubuh bendera Union Jack, bendera Amerika, bendera luar negeri bubuh di baju, menayang budak-budak ini berjalan dalam pekan,

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 2.30 petang hari esok, hari Khamis, 12-12-85.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.